berulang boleh mempengaruhi jiwa dan menimbulkan kepelbagaian situasi seperti ketenangan kepada pendengar. Keadaan ini bergantung kepada unsur-unsur yang terdapat dalam lagu berjaya menguasai pendengar. Dalam hal ini, pemilihan kata yang menggambarkan kehalusan makna dapat meningkatkan nilai keindahan sesebuah lirik lagu (Nik Safiah, 1998). Penghasilan sesebuah lirik lagu berkait dengan beberapa unsur dan gubahan bahasa yang digunakan. Salah satu unsur yang dimaksudkan ialah unsur bahasa. Kata-kata yang terpilih digubah untuk maksud diingini dalam lagu. Lagu mempunyai kaitan yang amat rapat dengan kehidupan harian manusia di muka bumi ini. Ia merupakan karya yang berbentuk paling unggul dan agung serta mencerminkan cara hidup masyarakat (Dharmawijaya, 1998). Menurut beliau, lagu mewujudkan kesan yang mendalam dalam bentuk jiwa sesebuah masyarakat. Winstedt, (1961) juga mengemukakan pendapat yang sama seperti Dharmawijaya iaitu melalui pantun yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu, pemikiran orang Melayu dapat difahami dengan lebih dalam lagi. Menurut beliau, sesiapa yang tidak memahami dan mengenali pantun bermaksud mereka ketinggalan dalam mengenali hati dan cara pemikiran masyarakat Melayu. Pernyataan ini turut dibincangkan oleh Lim (2002). Menurut beliau, definisi puisi atau lagu tidak boleh ditakrif secara sempit dengan perkataan ciptaan. Ruang lingkup puisi atau lagu tidak boleh dikurangkan dengan meletakkan syarat-syarat dalam penghasilan puisi. Bidang penulisan lagu seluas laut dan penyampaian maknanya dapat meninggalkan kesan yang mendalam dalam hati pembaca. Secara kesimpulannya, sesebuah lagu harus mempunyai bahasa yang tepat, segar, betul dan penuh kelembutan dalam menyampaikan matlamat pelirik. Daripada pernyataan ini dapat difahamkan bahawa lagu bukan sahaja genre abstrak malah merupakan salah satu bentuk komunikasi rakyat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kajian-kajian Lepas

Pengkaji cuba meninjau beberapa kajian-kajian yang lepas untuk membuat kajian literatur ini. Antara bahan yang dikumpul oleh pengkaji untuk kajian literatur ini ialah kajian tesis di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Pengkaji juga dapat meninjau buku-buku rujukan kesusasteraan Tamil untuk kajian ini. Di samping itu, pengkaji juga menghalusi beberapa *website* yang membantu menyempurnakan bab ini.

Duraimuthu (2017) mengkaji Nilai-nilai Murni Dalam Lirik Lagu-lagu filem Tamil Kannadasan. Objektif pengkaji ini ialah mengenal pasti nilai-nilai murni Sukatan Pendidikan Moral (KSSR) yang terdapat dalam lirik lagu-lagu Kannadasan; menganalisis persamaan yang terdapat dalam kedua-dua bahan kajian serta mengenal pasti nilai moral tambahan yang digambarkan dalam lirik lagu-lagu Kannadasan. Pengkaji ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan Teori Insan Mulia yang dipelopori oleh Thomas Licona dan beberapa teori yang berkaitan dengan tajuknya. Pengkaji ini telah menggunakkan 326 buah lirik lagu-lagu Kannadasan untuk kajiannya. Hasil kajiannya menunjukkan hampir semua lirik lagu-lagu Kannadasan mengandungi 14 nilai-nilai murni yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Moral (KSSR). Tesis ini membantu pengkaji untuk menganalis lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu.

Santhinath (2009) telah menjalankan kajian dalam tajuk ‘Impak Kesusasteraan Tamil dalam lirik lagu-lagu Kannadasan’. Pengkaji telah menggunakan teori perbandingan untuk menghasilkan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan hampir semua lagu-lagu pilihannya terdapat unsur-unsur kesusasteraan Tamil zaman Sangam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji dapat memahami dan membanding bezakan lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dengan Kannadasan.

S.Mageswary (2009) mengkaji 'Sumbangan Barathidasan dalam industri perfileman Tamil'. Pengkaji telah menggunakan pendekatan merumus dan diskriptif untuk menyiapkan kajian ini. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti kewibawaan Barathidasan dalam penulisan lirik, keberkesanan penggunaan lirik lagu Barathidasan dan penggunaan teknik penulisan dalam lirik lagu Barathidasan. Kajian ini sedikit sebanyak membantu pengkaji dari segi keberkesanan penggunaan lirik lagu untuk menyiapkan kajian dengan jayanya.

Porkai Aathirai (2009) mengkaji tajuk "Teori simile dalam sumbangan kesusasteraan Tamil". Pengkaji telah menggunakan pendekatan penjelasan, sejarah, perbandingan, rumusan dan analitikal. Dapatan kajian menunjukkan simile bergantung kepada perasaan seseorang dan alam benda. Kajian ini membantu pengkaji menimba ilmu dari segi mengenal pasti nilai simile dalam lirik lagu filem Tamil. Tesis ini mendorong pengkaji untuk meneliti teori simile secara mendalam.

Uma Mageswari (2009) telah menjalankan kajian dalam tajuk "Teknik simile dalam karya *Thiruthakka Thevar*". Kajiannya meliputi unsur imaginasi dan 8 jenis perasaan manusia yang terdapat dalam Sivaga Sinthaamani. Pengkaji menggunakan pendekatan diskriptif dan analisis untuk menyempurnakan tesisnya. Dapatan kajian menunjukkan simile dapat menerangakan keindahan kesusasteraan Tamil. Tesis ini pula membantu pengkaji untuk mengetahui teknik penyampaian yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kalaichelvi (2008) melakukan kajian dalam tajuk "Simile dalam karya Vairamuthu". Pengkaji telah menggunakan pendekatan, perbandingan dan pendekatan psikologi. Dapatan kajian pula didapati nilai-nilai patriotisme, kedaulatan bahasa, dan nasionalisme. Pengkaji juga, dapat merumuskan bahawa penyajak Vairamuthu mempunyai kewibawaan untuk menulis karyanya dengan menggunakan manusia, benda dan alam secara kreatifdan kreatis. Kajian ini membantu pengkaji untuk meningkatkan pengetahuan tentang penyajak Vairamuthu dengan lebih luas.

Sathiyabama (2011) telah menghasilkan sebuah kajian yang bertajuk 'Corak Kehidupan Masyarakat Dalam Sajak Vairamuthu' di peringkat doktor falsafah. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji perikemanusiaan yang terdapat dalam sajak yang direka oleh Vairamuthu. Pengkaji telah mengkaji koleksi sajak sebanyak duabelas hasil karya Vairamuthu. Pengkaji dapat menghalusi unsur pembangunan masyarakat, unsur feminism dan unsur cinta dalam koleksi sajak Vairamuthu. Pengkaji telah menggunakan pendekatan sejarah, sosiologi dan analisis. Melalui kajian ini pengkaji dapat meningkatkan pengetahuan dari segi cara menganalisis sesuatu lirik sajak.

Hairul Anuar (2007) mengkaji "Simile kerohanian dalam seni kata lagu S. Amin Shahab". Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesepaduan dan perkaitan antara unsur simile dengan kerohanian dalam seni kata lagu S. Amin Shahab. Kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan teks dengan pengumpulan data berdasarkan temubual responden utama dan kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati sebanyak 10 jenis gaya bahasa dan 6 kelompok kata ditemui. Kesepaduan simile dengan kerohanian terbukti wujud dan begitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

signifikan dengan sastera sufistik serta kaya dengan maksud tersirat dan tersurat. Penyelidikan ini telah membuktikan bahawa seni kata lagu merupakan sebuah karya sastera yang komprehensif malah sewajarnya ia diangkat serta diiktiraf sebagai salah satu cabang sastera. Kajian ini membantu pengkaji untuk menganalisis lirik lagu filem.

Samson Sathiskumar (2007) melakukan kajian bertajuk "Tren lagu-lagu filem 2001 hingga 2005". Objektif kajian ini ialah mengkaji tema, teknik, corak penyampaian, cara penulisan lagu-lagu filem dari tahun 2001 hingga 2005. Dapatan kajian menunjukkan dengan penularan penyajak-penyajak muda secara drastik seperti Yugabarathi, Muthukkumar, kabilan dan sebagainya dalam industri perfileman mengakibatkan terbitnya lagu-lagu yang berunsur seks, moden dan gangterisme. Kajian ini membantu pengkaji mengenali teknik dan corak penulisan lagu-lagu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Thirumaavalavan (2008) telah membuat kajian dalam tajuk "*Thalatu* dalam lagu filem Kannadasan" di peringkat Master. Pengkaji telah menggunakan pendekatan panbusaar. Menurut pengkaji, thalatu merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia. Pengkaji telah mengkelaskan jenis-jenis *thalatu*, perhubungan manusia, ketamadunan, kebudayaan serta kesusasteraan Tamil. Hasil kajian menunjukkan penyajak telah menggunakan pelbagai teknik untuk menghasilkan karya mereka. Kajian ini membantu pengkaji untuk membandingkan pelbagai jenis lagu.

Senthamizhtheni (2007) telah membuat kajian dalam tajuk "Cinta dalam lagu Kannadasan" pada peringkat Master. Pengkaji telah meneroka kewibawaan Kannadasan dalam penulisan lagu. Kajian ini membantu pengkaji untuk mengenali corak penulisan hasil dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jega Sirpiyan (2005) telah membuat kajian dalam tajuk "Perasaan manusia dalam lirik lagu Kannadasan". Pengkaji dapat mengkaji perikemanusiaan dalam lirik lagu-lagu Kannadasan. Pengkaji telah mengkelaskan lirik lagu-lagu Kannadasan tersebut kepada 4 bahagian iaitu kasih sayang, cinta, falsafah dan keinsafan. Kajian ini membantu pengkaji untuk menilai jenis lagu dan temanya.

Selvi)8102(telah membuat kajian dalam tajuk "Penggunaan metafora dan simile dalam lagu filem Tamil Malaysia". Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan metafora dan simile dalam lirik lagu filem Tamil Malaysia serta faktor mempengaruhi dalam pemilihan metafora dan simile oleh penulis lirik lagu filem Tamil tempatan. Bagi mencapai objektif ini, metafora dan simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil tempatan dianalisis. Di samping itu, penumpuan juga diberi kepada pengaruh bahasa asing dalam penggunaan metafora dan simile. Pengkaji juga telah menganalisis pelbagai faktor yang mempengaruhi pelirik lagu filem Tamil tempatan dalam penggunaan metafora dan simile. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menjalankan kajian ini. Data utama kajian ini ialah 35 buah lirik lagu yang diperoleh daripada koleksi album *Mannin Maintargal* mulai tahun 2010 sehingga 2016. Lirik lagu filem Tamil tersebut ditranskripsikan dan dianalisis untuk menentukan jenis penggunaan metafora dan simile. Seramai 5 orang penulis lirik lagu filem Tamil Malaysia ditemu bual bagi mengetahui faktor-faktor yang mendorong penulis lirik lagu filem Tamil Malaysia menggunakan metafora dan simile.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan metafora dan simile amat meluas dalam lagu filem Tamil dan membawa maksud berbeza. Bahasa asing yang paling kerap digunakan untuk menggambarkan gaya bahasa metafora dan simile ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Pengkaji telah menemui 7 faktor utama yang mempengaruhi penggunaan metafora dan simile dalam penulisan lagu. Kajian ini dapat meningkatkan pengetahuan pengkaji tentang sejarah perkembangan industri perfileman.

Selvajothi (2009), telah mengkaji penggunaan bahasa kiasan yang merangkumi simile, metafora, hyberbola, paradoks, personifikasi dalam 1330 Kural dalam Thirukkural. Unsur-unsur seperti flora, fauna, benda, peralatan, makanan, Tuhan, dan alam telah dikenal pasti sebagai metafora yang digunakan oleh penulis Thirukkural iaitu Thiruvalluvar. Penggunaan metafora sebagai kiasan adalah untuk memudahkan para pembaca memahami maksud tersurat dan tersirat dengan mudah. Selain itu, pengkaji telah mengaitkan unsur-unsur ini untuk menunjukkan pemikiran masyarakat Tamil tentang dunia ini. Beliau juga menyatakan bahawa penggunaan metafora dalam sastera dapat mewujudkan masyarakat yang berfikir secara kreatif dan kritis dalam kalangan pembaca. Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji dari segi tema dan unsur-unsur keindahan bahasa.

Mathavan (2002), yang mengkaji sajak Barathiyar, mendapati Barathiyar telah menggunakan simile umumnya yang berbentuk tradisi dan yang telah diubahsuai mengikut zaman sekarang serta menggunakan pelbagai gaya bahasa moden. Beliau memberi tumpuan kepada sajak yang diubahsuai mengikut tradisi baru. Sajaknya banyak menggunakan gaya bahasa simile dalam menyatakan isu kemerdekaan, kemajuan wanita dan juga pembangunan masyarakat. Mengikut beliau, Barathiyar menggunakan unsur simile berbanding dengan unsur simile lain. Kita boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merumuskan bahawa Barathiyar menganggap simile menjadi tulang belakang simile di samping metafora. Kajian ini berbeza dengan tema kajian dan teori.

Zamimah Osman (2015), telah membuat kajian dalam tajuknya "Strategi jenis simile penulisan makalah penyelidikan dalam jurnal berimpak tinggi". Kajian berkenaan makalah penyelidikan banyak dijalankan oleh sarjana dari dalam dan luar negara dalam bidang simile perbandingan dan bidang analisis genre. Kajian menunjukkan bahawa sering berlaku pelanggaran terhadap keempat-empat maksim yang disenaraikan oleh Grice. Kajian juga mendapati bahawa maksim relevan dan maksim cara dapat diserap ke dalam maksim kualiti dan maksim kuantiti. Dapatan ini memberi perspektif baharu kepada teori tersebut. Dapatan tentang jenis simile pula mendapati daripada lima jenis simile yang dikategorikan oleh Brooks dan Warren tahun 1979, hanya empat jenis simile yang ketara digunakan dalam makalah penyelidikan, iaitu jenis deskriptif, eksposisi, argumentatif dan naratif. Jenis simile eksposisi dan argumentatif adalah lebih dominan, bebas dan dapat berdiri sendiri dalam sesuatu penulisan. Kajian ini mendorong pengkaji untuk meneliti peranan teori dalam penyampaian kajian.

Secara umumnya, lagu-lagu filem Tamil hanya berfungsi untuk tujuan hiburan dan digunakan sebagai salah salu alat untuk meningkatkan nilai estetik visual sesebuah filem. Lirik lagu dinukil oleh Vairamuthu tidak terlepas daripada keperluan filem kerana kebanyakan penulis lirik lagu bagi filem termasuk Vairamuthu sendiri terpaksa menulis lirik untuk disesuaikan dengan situasi plot filem dan sentiasa bersedia untuk mengubah lirik agar seiring dengan alunan muzik yang digubah oleh pengarah muzik. Berikutan kehendak industri perfileman Tamil, lirik lagu Vairamuthu sentiasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipersembahkan secara muzikal dan visual. Tidak dapat dinafikan bahawa tarikan kepada aluran irama, pemacu perkusi dalam muzik selalunya akan mendahulukan lirik. Dalam situasi ini, lirik lagu dan pengunaan bahasa kerap dipinggirkan apabila muzik lagu didahulukan untuk menarik perhatian penonton dan dihayati menerusi persembahan visual.

Walaupun dalam keadaan sebegini, lirik lagu Vairamuthu tetap menarik perhatian pendengar yang tertarik dengan kepakaran beliau dalam menukil lirik yang sarat dengan emosi dan penggunaan perkataan yang mudah untuk difahami. Namun begitu, lirik-lirik nukilan beliau kurang dihargai dari segi nilai puitis, metafora, simbolik atau nilai perwakilan (*representation value*). Profesor M. Illakkuvanar berpandangan bahawa lirik lagu Vairamuthu sarat unsur penggambaran yang membolehkan lirik-liriknya memberi makna kepada pelbagai situasi dari aktiviti rutin harian kepada mesej sosial. Unsur imej ini memberikan tarikan intelektual dan emosi kepada pendengar.

Namun begitu, kajian akademik yang memberi fokus kepada unsur semiotik dalam lirik-lirik lagu filem Tamil nukilan Vairamuthu adalah sangat kurang dari segi bilangannya. Tesis Ph.D. Dhanlakshmi yang bertajuk "Vairamuthu padaipugalil samuthaya sinthanaigal" hanya memberi fokus kepada lima cerpen yang ditulis oleh Vairamuthu untuk mengenal pasti masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Tamil, jalan penyelesaian dan falsafah hidup. Pazhamozhibalan dalam kajian Ph.D. beliau bertajuk "Vairamuthu Padalgalil Uvamaiyum Iyarkaiyum" membincangkan unsur simile yang terkandung dalam puisi-puisi nukilan Vairamuthu. Kajian ini hanya mengambil satu aspek dalam puisi-puisi beliau iaitu alam sekitar untuk mengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan simile. Sahayakanthasi pula membandingkan pemikiran sosial yang terdapat dalam lirik lagu Vali dan Vairamuthu dalam tesis Ph.D. beliau yang berjudul "*Vali Vairamuthu Thirai Isaipadalgalil Samooga Chintanaikal*." Kajian-kajian lepas ini jelas mengutamakan aspek yang terdapat dalam puisi-puisi Vairamuthu. Namun, kajian terhadap unsur semiotik dalam lirik lagu filem beliau kurang ditemui dan juga menjadi salah satu kelompangan yang besar dalam kajian akademik.

Vairamuthu mengambil beberapa isu sosial yang penting untuk dijadikan sebagai intipati lirik lagu bagi filem-filem Tamil. Isu-isu sosial tersebut sangat berkaitrapat dengan kehidupan seharian masyarakat Tamil dan mampu memberikan kesan yang mendalam bagi para pendengar lagu. Beliau sangat selektif dalam memilih isu sosial dan sering memberi pandangan kritis dan jalan penyelesaian dengan bantuan denotasi dan konotasi simile. Dalam hal ini, pencerahan mengenai isu-isu sosial tersebut harus diselidiki melalui kajian-kajian lepas untuk mengetahui kepentingan isu-isu sosial tersebut dalam kehidupan harian dan untuk mengenal pasti kelompangan isu sosial dalam kajian akedemik.

Isu penganiayaan kaum wanita merupakan masalah sosial yang sering menarik perhatian orang ramai. Bab buku bertajuk *Violence Against Women in India* yang diedit oleh N. Prabha Unnithan dan Mahesh K. Nalla tepat menjelaskan masalah ini menerusi pelbagai pandangan yang dikemukakan menerusi beberapa bab. Antara isu yang dibincangkan merangkumi persepsi terhadap keganasan terhadap jantina, keganasan seksual, dan sistem kehakiman yang terlibat dalam mengurangkan masalah ini. Khususnya, buku ini lebih menjurus kepada isu keganasan seksual dan kurang kepada penganiyaan domestik yang sering dilalui oleh kaum wanita. Hal ini kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penganiyaan yang dilalui oleh wanita khususnya wanita India bukan sahaja terhenti setakat gangguan seksual tetapi juga melalui penggunaan bahasa kasar dan gangguan emosi di keluarga sendiri, di tempat pekerjaan dan juga di rumah mertua.

Tatacara bagi kaum wanita merupakan senarai cara hidup yang ditetapkan oleh sistem masyarakat patriakal. Tatacara ini berbeza berdasarkan etnik, tetapi persamaannya adalah semua etnik mempunyai tatacara bagi kaum wanita yang tersendiri. Tatacara bagi kaum wanita India boleh dinyatakan sebagai sesuatu yang lebih konservatif. *Native Women of South India: Manners and Customs* oleh N. Pushpamala mengambil perspektif piktorial untuk menjelaskan adab dan adat resam yang harus dipatuhi oleh semua wanita India selatan. Pendekatan beliau adalah sesuatu yang unik dan mudah untuk mengetahui pengalaman wanita. Namun begitu, kekurangan deskripsi menjadi kelemahan buku ini kerana emosi sebenar kurang berjaya difahami melalui setiap gambar.

Kadar kemiskinan dalam masyarakat Tamil merupakan suatu masalah sosial yang sering diperketengahkan oleh badan bukan kerajaan. Pelbagai penyelesaian sering dikemukakan oleh aktivis dan ahli politik serta akademik. Albert Christopher Dhas menjelaskan isu ini melalui kertas kerja beliau yang bertajuk "Rural Poverty and Agricultural Development in Tamilnadu". Menurut beliau, keadaan kemiskinan luar berpunca daripada pembangunan pertanian yang rendah, perubahan pola pendudukan luar bandar dan pembangunan di kawasan luar bandar. Beliau turut mengemukakan pendapat beliau di mana pembangunan sektor pertanian menjadi penyelesaian terbaik untuk membasmi kemiskinan luar bandar. Oleh sebab fokus beliau lebih terjurus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada penyelesaian dari segi pembangunan pertanian, penyelesaian lain seperti perubahan tingkah lagu dan pemikiran tidak disertakan dalam kertas kerja ini.

Penggunaan bahasa asing dalam karya bahasa ibunda merupakan sudah menjadi kebiasaan dalam era pemodenan ini. Gaya sebegini ini tidak dapat dielakkan. Hal ini kerana kekurangan terma penterjemahan untuk menjelaskan sesuatu perkara yang bukan berasal dari bahasa ibunda akan menjejaskan pengertian sesebuah karya. *Mozhipeyarpu Marabu* oleh Nadaraja membuktikan perkara ini. Menurut beliau, penggunaan bahasa asing tidak dapat dielakkan dan lebih-lebih sudah pun digunakan sejak dari zaman Tolkaappiyar lagi. Namun begitu, beliau menegur bahawa penggunaan bahasa asing dalam karya Tamil harus diteliti dari segi unsur tatabahasa penterjemahan. Walaupun buku ini mengambil pendekatan liberal terhadap isu penggunaan bahasa asing, konteks penulisan adalah agak umum dan tidak berfokus kepada jenis contoh yang dikaji.

Pada asasnya, kebudayaan masyarakat Tamil tergolong dalam falsafah Tamil di mana kedua-duanya tidak dapat dipisahkan dan menjadi tatacara hidup masyarakat Tamil. Kebudayaan masyarakat Tamil dapat dilihat dalam sistem masyarakat, ekonomi, politik dan juga agama. K. Ramesh dalam artikelnya bertajuk "*History of Tamil Culture Elements*" menyenaraikan lapan aspek kebudayaan yang sering dirujuk dan ditonjolkan dalam filem-filem Tamil, iaitu Percintaan (*Kaathal*), Kesucian (*Karpu*), Penghormatan (*Maanam*), Bahsa (*Mozhi*) dan Tanah (*Nilam*), Agama (*Samayam*), Keberanian (*Veeram*) dan Sambutan (*Virunthombal*). Aspek-aspek ini sering dipilih untuk dijadikan sebagai intipati filem-filem Tamil. Pengkajian terhadap aspek-aspek ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi pengukur untuk menganalisa emosi yang terkandung dalam lirik Vairamuthu yang menekankan unsur kebudayaan masyarakat Tamil.

Feminisme merupaka advokasi hak wanita atas dasar persamaan jantina. Feminisme boleh dilihat sebagai gerakan bagi menghentikan budaya seksisme, eksploitasi dan penindasan berdasarkan jantina untuk mencapai kesaksamaaan jantina sepenuhnya dari segi undang-undang dan amalan seharian. V. Geetha dalam ucapan perasmian persidangan Tamil Studies bertajuk "*Being a Feminist the Tamil Way*". Ucapan beliau sarat dengan pengalaman beberapa wanita yang berjuang menentang ketidaksamaan jantina yang dilalui oleh mereka. Menurut Geetha, masyarakat Tamil harus membina semula ciri-ciri feminisme tersendiri daripada pemahaman feminisme zaman lampau dan bukan sebagai satu balasan kepada persoalan yang ditimbulkan oleh komuniti di Eropah barat dan Anglo-Amerika. Pandangan baharu ini juga dapat diteliti dalam lirik-lirik Vairamuthu yang sering mengangkat tinggi unsur feminisme.

Pendidikan bagi kanak-kanak khususnya di India dimulakan sejurus selepas lawatan Maria Montessori, seorang ahli falsafah dan pendidik kanak-kanak, pada tahun 1939. Bagi tujuan ini, guru-guru dilatih dan buku-buku pendidikan juga diterjemahkan kepada kebanyakan bahasa yang terdapat di India. Artikel bertajuk "*Early Childhood Education in India: History, trends, issues, and achievements*" oleh Jyotsna Pattnaik memberikan gambaran ringkas mengenai amalan asuhan tradisional kanak-kanak di India, menjelaskan inisiatif kerajaan dalam pendidikan awal kanak-kanak dan menerangkan rangkaian program yang sedia ada untuk membentuk masa hadapan pendidikan awal kanak-kanak di India. Namun begitu, artikel ini lebih terjurus kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepentingan pendidikan awal bagi kanak-kanak menerusi polisi dan langkah masa hadapan yang hanya memberi gambaran secara saintifik.

Sifat keberanian adalah fenomena dinamik yang wujud selepas ancaman dirasakan oleh seseorang. Dalam pada itu, keupayaan untuk menjadi berani timbul dari semasa ke semasa dan ini termasuk usaha seseorang untuk menerima realiti sepenuhnya, menyelesaikan masalah berdasarkan daya kebijaksanaan dan monolak kesengsaraan secara berterusan. S. Sridevi dalam artikal dalam taliannya bertajuk "Su.Venkatesan: *Tamil Valour in Kavalkottam*" menjelaskan konsep keberanian masyarakat Tamil yang ditunjukkan dalam novel Kavalkottam. Menerusi artikel ini, Sridevi mengemukakan ciri kepahlawanan dan keberanian seorang wanita Tamil Bernama Sadaichi yang memberi motivasi kepada suaminya Karupanan untuk menentang musuh yang menceroboh kampung mereka yang kemudian menjadi *guardian god* bagi kaum Tamil. Sridevi berpendapat bahawa novel ini menggambarkan sejarah tempatan Tamil Nadu tengah dan rakyatnya sebagai komuniti yang berani. Namun begitu, artikel ini lebih menjurus kepada satu novel yang menumpukan perhatian terhadap keberanian dalam konteks kawasan geografi yang spesifik.

Ekonomi mempengaruhi kehidupan manusia secara langsung dan tidak langsung. Dari persepktif individu, ekonomi menentukan kebanyakan pilihan peribadi termasuk pekerjaan, kegiatan masa lapang dan tahap penggunaan dan jumlah wang yang harus digunakan dan dijimatkan. Oleh sebab kehidupan manusia dipengaruhi oleh aliran makro-ekonomi, seperti inflasi, kadar faedah dan pertumbuhan ekonomi, kesedaran terhadap ekonomi adalah sangat penting. Isu ini jelas diterangkan dalam artikel bertajuk "*India dan the Global Economy: Role of Culture, Norms and Beliefs*"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Kaushik Basu. Menurut pandangan beliau, kesedaran kepentingan ekonomi dapat diluaskan menerusi norma sosial, kepercayaan dan kebudayaan yang sering dibelakangi oleh arus pemodenan. Walaupun hujah beliau adalah sesuatu yang harus diteliti, tetapi kaedah penulisan yang sarat dengan maklumat sejarah dan statistik menyebabkan isu utama yang dibincang hampir tidak dapat difahami dengan mudah.

Akhlak moral merujuk kepada set piawaian yang membolehkan manusia hidup secara berkerjasama dan bertolak ansur dalam komuniti. Namun begitu, keruntuhan akhlak moral dalam kalangan generasi muda pada zaman ini merupakan isu yang harus ditangani. Pallab Jyoti Boruah dalam artikelnya "*Degradation of Moral Values Among Young Generation in India: An Emerging Issue*" jelas memaparkan isu keruntuhan moral, faktor dan penyelesaian bagi masalah ini. Namun begitu, pendekatan artikel ini adalah melalui penulisan berdasarkan sumber sekunder sahaja yang melemahkan pendirian penulis bagi topik yang diperlukan pemerhatian yang luas. Ketiadaan pengalaman peribadi responden juga menjadikan kajian ini bersifat umum.

Perpaduan tercetus dalam keadaan persekitaran yang mempunyai bimbingan yang baik, pertumbuhan betul dan pembangunan yang benar. Keeratan perpaduan menyediakan sumber motivasi positif yang berterusan dan pencapaian yang lebih besar. Radha Kumud Mookerji dalam bukunya *The Fundamental Unity of India* menerangkan keeratan perpaduan yang terdapat dalam India dengan menyelidik isu-isu kontemporari dan juga mengekstrek contoh dan pengalaman dari kesusasteraan India dan agama Hindu seperti Vedas dan Mahabarata. Namun begitu, penulisan beliau tidak merangkumi semua bahagian India terutamanya India Selatan. Keeratan perpaduan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kalangan masyarakat Tamil juga merupakan sesuatu yang harus dibincang di mana Vairamuthu jelas memaparkannya dengan lirik-lirik lagu beliau.

Setiap individu harus diajar untuk mencintai dan menghormati alam sekitar untuk memperbaiki hubungan antara manusia dan alam sekitar. Hal ini kerana alam sekitar yang dipelihara akan mengekalkan perseimbangan ekosistem, iklim, cuaca dan komposisi atmosfera. Cheryl Leutjen dalam bukunya *Love Earth Now: The Power of Doing One Thing Every Day* mengambil pendekatan yang unik untuk menyampaikan perasaan cintanya kepada pembaca. Beliau menggunakan pengalaman peribadi dan juga fakta yang berkaitan dengan aspek alam sekitar yang dibincangkan agar pembaca dapat memahami konteks dengan mudah. Penulis buku ini mempunyai satu persamaan dengan Vairamuthu kerana kedua-dua mereka mengambil pendekatan yang menggunakan emosi dan puitis untuk menyatakan pandangan mereka.

Ikatan kekeluargaan merujuk kepada hubungan erat antara ahli keluarga. Hubungan kekeluargaan ini membawa pengiktirafan hak setiap ahli keluarga dan penghormatan terhadap hak tersebut. Oleh itu, hubungan kekeluargaan sangat diberi keutamaan khususnya dalam tradisi masyarakat India. A.M. Shah melalui bukunya *The Family in India: Critical Essays* mencabar kepercayaan umum tentang konsep keluarga di India. Beliau menunjukkan cara perubahan paradigma yang diterima secara luas mengenai keluarga nuklear. Namun begitu, buku ini lebih terjurus kepada perspektif kritis dalam menjelaskan kepentingan hubungan kekeluargaan secara menyeluruh.

Motivasi dalam kalangan masyarakat perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa kerana motivasi membolehkan masyarakat mengubah tingkah laki, membangunkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecekapan, menjadi kreatif dan dapat meningkatkan penglibatan seseorang dalam hal ehwal komuniti. Perkara ini jelas dianalisis oleh David C. McClelland dalam bukunya *The Achieving Society*. Beliau mengemukakan idea faktor kognitif dan budaya sebagai faktor utama bagi pencapaian manusia sebagai masyarakat. Namun begitu, pola penulisan beliau sangat rumit sehingga pembaca terpaksa mendalami latar belakang konteks sebelum membaca buku ini. Dalam hal ini, isu keperluan sikap yang baik untuk meningkatkan motivasi dalam kalangan masyarakat juga telah disentuh oleh Vairamuthu dengan lebih efektif dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami melalui bakat penulisan beliau.

Bahasa bukan sahaja merujuk kepada tatacara, tatabahasa dan perbendaharaan yang melengkapkan sesuatu bahasa. Bahasa juga memaparkan budaya dan sejarah sesebuah etnik. Dalam hal ini, masyarakat Tamil dilihat menunjukkan tahap percintaan yang tinggi terhadap bahasa Tamil. Sumathi Ramaswamy menjelaskan emosi ini dalam bukunya *Passions of the Tongue: Language Devotion in Tamil India, 1891-1970*. Buku ini dilihat sangat penting kerana ini merupakan kajian pertama yang berunsur sistematik yang meneroka kepentingan aspek pemodenan, iaitu kepentingan bahasa sebagai 'bahasa ibunda' dalam pembinaan tanggapan baharu tentang diri sendiri dan masyarakat. Unsur percintaan bagi bahasa Tamil dapat dilihat dalam buku ini apabila penulis menganggap bahasa sebagai kayu ukur untuk mengkaji sejarah kompleks kasta dan politik nasionalis dalam era abad ke-20 Tamil Nadu. Pendekatan dari segi bahasa bukan sahaja dapat dilihat dalam gaya akademik seperti yang dijalankan oleh Sumathi tetapi dapat juga ditonjolkan secara puitis dan kreatif seperti yang dapat dibaca dalam lirik-lirik Vairamuthu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan manusia di dunia ini mempunyai kepercayaan kepada Tuhan masing-masing. Dalam agama Hindu, terdapat pelbagai dewa-dewi yang menjadi tuhan kepada penganutnya selain Brahman yang dipercayai sebagai Tuhan tertinggi yang wujud di mana-mana jua. Cassie Coleman dalam karyanya bertajuk *Hinduism: Adopting Hinduism as a Way of Life* secara ringkasnya menerangkan konsep asas bagi kepercayaan kepada Tuhan dalam agama Hindu. Beliau menerangkan cara untuk mencapai kesedaran diri dan menyedari potensi sebenar atman untuk mencari Tuhan. Namun begitu, kandungan buku ini sangat bersifat akademik manakala Vairamuthu menggunakan bahasa mudah tetapi juga puitis dan sangat sarat dengan konsep kepercayaan kepada Tuhan dan implikasinya.

Alkohol adalah minuman keras yang mempunyai bahan kimia yang berbahaya dan mampu memberi pelbagai kesan buruk pada hampir setiap bahagian badan manusia. Sains telah mengemukakan bukti yang tidak dapat dipertikaikan. Alkoholisme adalah suatu penyakit dan bukan lagi kelemahan atau tabiat buruk seseorang. Usaha pencerahan bagi isu ini sangat diperlukan dan telah dijalankan oleh Katherine Ketcham, William F. Asbury, Mel Schulstad dan Arthur P. Ciaramicoli menerusi buku mereka berjudul *Beyond the Influence: Understanding and Defeating Alcoholism*. Mereka bukan sahaja memberikan pendedahan mengenai keburukan alkohol tetapi turut memberikan cadangan bagi membantu seseorang yang ketagih dengan masalah alkohol. Namun begitu, buku ini ditulis terutamanya bagi golongan bukan penagih alkohol untuk mendedahkan mereka dengan keburukan alkohol. Isu ini turut diambil oleh Vairamuthu dengan menasihati para pendengar umum untuk menggelakkan alkohol tetapi dengan menyelitkan unsur sentimen and emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peperangan telah memainkan peranan penting dalam sejarah manusia dan tidak dapat dinafikan bahawa perang membentuk dunia moden yang didiami ini. Namun begitu, kesan negatif perang tidak dapat dielakan dan berlarutan untuk satu jangka masa yang panjang. V. Upeniece dalam kertas kerjanya "War and society" memperjelaskan kesan negatif perang kepada masyarakat. Misalnya, beliau memberitahu bahawa perang memberi kesan dalam bentuk ketidakstabilan demografi, gangguan kesihatan mental para askar yang gagal dalam misi mereka, pembunuhan beramai-ramai, krisis makanan dan juga ketidakstabilan kerajaan. Walaupun kertas ini menjelaskan keburukan perang, pengkhususan diberikan kepada cara untuk memastikan setiap negara tidak menggunakan kekerasan terhadap negara lain. Kekurangan penyertaan pengalaman dan emosi menjadi kelemahan bagi artikel ini.

Dari sudut pemahaman antropologi, masyarakat Tamil tergolong dalam golongan Dravida yang berasal dari benua kecil India dan mempunyai sejarah yang merentasi jangka masa lebih dari dua millennium. Oleh sebab itu, pencapaian dari segi sastera dan seni bina masyarakat Tamil menjadi penyumbang terbesar India kepada sejarah kesenian dunia. Buku hasil nukilan K.K. Pillai iaitu *History of Tamil Nadu People and Culture* jelas membuktikan pernyataan ini. Oleh sebab, penulis memilih kaedah penulisan santifik untuk mengkaji sejarah masyarakat Tamil dan Tamil Nadu, beberapa kepercayaan lampau mengenai sejarah Tamil telah dikritis dan digelar idea palsu. Pendekatan ini mungkin membantu pembaca mendapat sejarah Tamil yang sahih. Namun beigtu, nilai estetika dalam bentuk sastera dan penelitian terhadap unsur mitos melemahkan kajian beliau dari segi kekurangan bukti sahih atau empirikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemoralan dalam kalangan lelaki merupakan satu isu yang harus dilihat secara serius. Hal ini kerana keunggulan moral dalam kalangan lelaki sering diukur berdasarkan kecenderungan mereka untuk mengatur hubungan sosial dalam susunan hierarki dan menetukan moraliti hak. Kemoralan lelaki adalah lebih menjurus kepada hal ini yang jelas dianalisa oleh Larry May dalam buku beliau *Masculinity and Morality*. Beliau berusaha mengkonseptualisasikan peranan lelaki dengan meneliti semula kekuatan lelaki dan bukannya mengkritik masalah yang timbul. Oleh sebab itu, buku ini lebih fokus kepada cadangan dan strategi untuk meninggikan moral dalam lelaki.

Absha Atiah Abu Bakar dan Mohd. Isa Hamzah telah menulis artikel jurnalnya yang bertajuk ‘ faktor keterlibatan remaja dalam masalah sosial’. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penyimpangan akhlak dalam kalangan remaja berikutan peningkatan masalah moral yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Responden kajian ini dipilih menggunakan teknik pensampelan yang melibatkan 70 orang gadis remaja berusia antara 13 hingga 19 tahun dan ke atas di sebuah pusat perlindungan negeri Selangor. Metodologi kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Responden kajian analisis data kajian ini menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 23.0 bagi menganalisis data yang berbentuk statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan statistik inferensi (MANOVA Sehala). Hasil kajian menunjukkan pengaruh faktor diri sendiri, ibu bapa, media massa dan rakan sebaya berada pada tahap sederhana. Selain itu, hasil kajian juga mendapati terdapat perbezaan antara signifikan faktor diri sendiri dengan faktor media massa yang mempengaruhi masalah sosial remaja berdasarkan umur. Justeru, kajian ini boleh dijadikan panduan untuk mencari jalan penyelesaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh pihak berkepentingan dengan mengambil kira beberapa faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial. Kesimpulannya, ibu bapa, pihak sekolah, PIBG dan NGO termasuklah penggerak pusat perlindungan dapat mengambil kira faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial ini dalam merangka program yang bersesuaian bagi mengelakkan remaja terjebak dengan masalah sosial. Kajian ini membantu pengkaji mencari isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat Tamil yang turut mengalamai masalah sosial.

Sebuah artikel jurnal yang bertajuk 'Kajian Semiotika Roland Barthes' adalah hasil karya Al Fiatur Rohmaniah. Karya sastera adalah curahan idea yang diimaginasikan menjadi teks yang memiliki nilai-nilai etika dan estetika. Karya sastera hadir sebagai ungkapan perasaan jiwa yang diterjemahkan dalam bentuk bahasa. Antaranya mengandung penghayatan batin yang dalam terhadap sesuatu di luar dirinya, biasanya berupa ungkapan kerinduan, kehambaan atau kecintaan terhadap Tuhan. Beberapa pujangga memilih sajak sebagai sarana mengungkapkan perasaan kagum dan cinta terhadap sang pencipta yang diwujudkan dalam bentuk syair yang menyentuh kalbu. Ada banyak cara yang digunakan untuk mengkaji puisi salah satunya dengan menggunakan pendekatan semiotik seperti pada judul puisi ketika Engkau Bersembahyang karya Emha Ainun Najib. Penelitian ini menggunakan metode kualitatif, dengan teknik pengolahan data menggunakan telaah pustaka sedangkan Metode analisis data menggunakan metode hermeneutika. Adapun hasil pembahasan ditemukannya ikon, indeks dan simbol secara kajian semiotik dalam puisi. Ikon yang terdapat dalam puisi antaranya ketika, partikel, bacaan, membentangkan, tegak tubuh, mengakar, menangis, hakikat hidup, setiap jiwa, batu karang, pusat bumi dan jambatan. Indeks yang terdapat dalam puisi antaranya takbirmu, terkuakkan, bergetar, pasrah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cinta, rumah dan rahsia. Simbol yang terdapat dalam puisi antaranya bersembahyang, ruang hampa, doa, ruku, alif, sembahyang, sinar, arasy dan sembilan puluh sembilan. Pengkaji dapat meneliti penggunaan simbol yang digunapakai oleh penyair dalam puisi. Hal ini membantu pengkaji mereka bentuk corak penerangan sesuatu isu dengan menggunakan teori.

Lilik Damayanti dalam artikel jurnal telah membincangkan penggunaan simile dalam sebuah novel. Menurutnya, Bahasa figuratif adalah cara untuk melibatkan pembaca dan menghantarkan mereka melalui tulisan dengan bentuk yang lebih kreatif. Dua kategori bahasa figuratif yang paling dikenal secara meluas ialah similes dan metaphors.Tujuan dari penelitian ini adalah untuk menganalisis penggunaan simile dan metafora yang terdapat dalam suatu karya sastera berupa novel berjudul "Hard Times".Metode yang digunakan pada penelitian ini adalah deskriptif kualitatif iaitu dengan memaparkan hasil analisis dalam bentuk data yang diambil daripada satu bahagian atau chapter yang terdapat pada novel berjudul karya Charles Dickens, yang terdiri daripada 10 halaman. Hasil daripada penelitian ini iaitu penggunaan simile lebih ditekankan pada penggunaan "as" dibandingkan penggunaan "like".Penggunaan simile "as" dan "like" pada novel tersebut digunakan sebagai bentuk daripada figurative speech yang dibuat sebagai perbandingan antara dua objek daripada pelbagai jenis. Dengan menggunakan simile pada novel tersebut dapat memberikan impak yang lebih baik dan berkesan kepada pembaca. Sedangkan untuk metaphor hanya terdapat 5 bentuk kalimat digunakan pada penulisan ini banyak menggunakan direct speech atau kutipan langsung menekankan kepada fungsi metafora untuk menghidupkan cerita dalam novel tersebut. Pengkaji dapat memahami cara pengunaan simile dalam maksud konotasi dan denotasi walaupun bahannya berbeza iaitu novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kesimpulan

Dengan meneliti kepada kesemua kekurangan dan kelompangan yang terdapat dalam kesemua kajian lepas bagi isu-isu yang dibangkitkan, dapat diketahui bahawa terdapat kekurangan emosi dan pengalaman peribadi dalam penyampaian. Kaedah penulisan kesemua kajian yang dikupas lebih berbentuk faktual dan naratif. Hal ini akan menjejaskan penyerapan idea oleh para pembaca yang terdiri daripada pelbagai etnik, latarbelakang pendidikan dan pemikiran. Kelompangan ini dapat diatasi melalui hasil penulisan lirik-lirik lagu filem Vairamuthu. Keunikan Vairamuthu dalam menstabilkan maksud denotasi dan konotasi simile membolehkan intipati isu-isu ini lebih pantas diserap dan dianalis oleh para pendengar.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Pengkaji telah meneliti dan menghalusi beberapa tesis di peringkat master dan doktor falsafah sebagai maklumat tambahan bagi menyempurnakan tesis yang dijalankan ini. Pengkaji dapat meningkatkan pengetahuan dari segi latar belakang penyajak Vairamuthu dan sedikit sebanyak tentang hasil karyanya. Ini adalah kerana pengkaji-pengkaji terdahulu hanya menumpukan perhatian mereka terhadap teknik penyampaian sajak, pola penulisan cerpen, tema sajak, teknik penulisan lirik lagu dan lain-lain lagi yang tidak menyentuh tentang unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil Vairamuthu. Sebagai kesimpulannya, kajian-kajian di atas menampakkan sedikit kelainan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, maka boleh dikatakan kajian ini merupakan satu-satunya kajian yang telah membincangkan tentang 'Unsur simile dalam Lirik lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu'. Faktor-faktor inilah mendorong pengkaji untuk meneroka hasil karya penyajak Vairamuthu khusunya unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Pengkaji juga ingin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menekankan bahawa kajian yang dijalankan ini tidak ada pertindihan ataupun ulangan dengan kajian-kajian lampau. Pengkaji berharap kajian ini akan menjadi contoh kepada pengkaji yang akan meneruskan kajian mereka dalam tajuk simile dalam lirik lagu filem Tamil Vairamuthu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Aspek-aspek yang diberi penekanan dalam kaedah kajian ini adalah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan teori kajian serta prinsip-prinsip berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Metodologi didefinisikan sebagai satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan daam sesuatu kajian. Metodologi juga akan membincangkan perhubungan antara teori dan penyelidikan. Penganalisan data kajian pula berbentuk deskriptif kualitatif. Bab ini juga akan membincangkan hubungan teori dalam konteks penyelidikan kualitatif dengan pembentukan kerangka kajian. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah untuk mengklasifikasikan unsur-unsur simile yang terkandung dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Di samping

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu, pengkaji juga menghuraikan makna serta maklumat secara terperinci berkenaan lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang telah dipilih. Rumusannya, proses metodologi adalah satu proses penghuraian fakta-fakta penting yang terkandung dalam sesebuah kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif untuk menganalisis unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian. Kaedah kualitatif membantu pengkaji untuk mencari dan memberi keterangan serta pemerhatian. Kaedah ini menggunakan untuk mengutip data secara berfokus dan mendalam serta untuk membuat analisis dalam kajian ini.


Kaedah penyelidikan kualitatif akan memudahkan pengkaji dalam kerja-kerja mencari dan menerangkan fakta bukan berbentuk numerikal. Selain itu, kaedah kualitatif deskriptif ini dapat memberi peluang kepada pengkaji untuk mengumpul data yang berkualiti dan tepat serta memberi peluang membuat analisis dalam kajian berdasarkan sampel yang diperoleh. Dalam usaha pengkaji mengkaji simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu, pengkaji menggunakan kaedah penelitian kualitatif, iaitu membuat analisis dalam bentuk deskripsi. Menurut Sidek Mohd.Noah (2002) reka bentuk kajian dijalankan untuk memberi penerangan yang sistematik tentang fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang dikaji. Didapati, matlamat utama reka bentuk kajian adalah untuk memberi penerangan yang padat tentang sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fenomena yang sedang berlaku atau meneroka sesuatu bidang yang belum atau jarang dibuat kajian. Oleh yang demikian, pendekatan ini menekankan kepada proses pengumpulan data secara sistematik. Pengkaji juga perlu memastikan bahawa para pembaca dapat memahami perspektif kajian dengan tepat.

3.2.1 Kerangka Kajian



Rajah 3.1. Kerangka Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Kaedah Kajian

Penyelidikan ini pada dasarnya adalah satu kajian analisis deskriptif. Bagi mendapat maklumat secara mendalam dan terperinci, keterangan data menjurus kepada makna yang mendalam dihuraikan dalam bentuk deskriptif (Haziyah binti Hussin (2000)). Menurut beliau pengumpulan data daripada banyak sumber boleh menyumbang kepada huraian dan penjelasan secara deskriptif. Sehubungan itu, kajian ini telah menggabungkan dua kaedah secara bersepadu iaitu kaedah perpustakaan dan kaedah analisis teks.

3.3.1 Kaedah Analisis Teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis teks yang meliputi analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengupas teori atau simile dalam lirik lagu dengan menggunakan toeri Semiotika. Oleh kerana kajian ini mengenai teks lirik-lirik lagu yang sudah diterbitkan, maka, kajian ini haruslah dilakukan berdasarkan sumber asal iaitu sebuah koleksi lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang mengandungi 1000 buah lirik berdasarkan objektif kajian.

3.3.2 Kaedah Kajian Kepustakaan

Kajian ini dibuat berdasarkan lirik lagu-lagu yang sudah diterbitkan. Untuk memastikan kajian yang dibuat berjalan dengan lancar dan bersistematik, maka kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepustakaan dirasakan amat sesuai digunakan bagi tujuan penyelidikan ini. Antara bahan-bahan yang digunakan adalah seperti buku, bahan ilmiah, tesis, majalah, bahan internet dan bahan-bahan rujukan daripada sumber yang lain.

Rujukan perpustakaan dan laman web internet banyak membantu pengkaji dari segi ilmu juga sebagai panduan dalam menyiapkan latihan pendidikan ini. Kaedah pengumpulan data, kaedah dokumentasi telah digunakan untuk meneliti sebanyak mungkin dokumen dan bahan bacaan bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang jelas serta menyeluruh berkenaan persoalan yang telah dikaji. Kaedah sintesis telah digunakan untuk menganalisis data. Melalui kaedah ini, data dan fakta yang diperolehi telah dianalisis berdasarkan objektif kajian.

Selain itu pengkaji juga telah menggunakan bahan-bahan rujukan sampingan melalui laman web. Begitu juga dengan penggunaan buku, pengkaji telah menggunakan pelbagai jenis buku dari tahun-tahun penerbitan yang terdahulu hinggalah sekarang. Pengkaji juga tidak terlepas daripada merujuk latihan ilmiah oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Rujukan bahan-bahan tersebut banyak membantu pengkaji dari segi ilmu dan sebagai panduan dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

3.4 Bahan Kajian

Pemilihan bahan kajian akan mempengaruhi keseluruhan kajian terutamanya bagi mencapai objektif sesuatu kajian. Kenyataan ini terbukti melalui pandangan Mohd.Majid Konting (2000). Dalam kajian ini, lirik lagu filem Tamil gubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vairamuthu mengandungi unsur-unsur simile merupakan bahan kajian utama. Walaupun terdapat banyak buku lirik lagu filem Tamil di pasaran namun pengkaji hanya memilih sebuah buku yang berjudul *Vairamuthu Ayiram Padalgal.*

Bahagian A: Latar belakang Respondan

Bahagian ini adalah untuk mengumpul data peribadi respondan maklum balas. Bahagian A mengandungi biodata berkaitan responden yang dikaji iaitu, nama, bidang pekerjaan, taraf pendidikan, pekerjaan dan pengalaman bekerja. Segala maklumat peribadi atau biodata responden dikutip dalam bentuk senarai. Responden Cuma perlu menulis tentang data yang diminta oleh pengkaji. Bahagian ini, akan membantu pengkaji melihat kepakaran responden yang membuat pemilihan lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B: Jadual Penetapan dan Pengesahan Simile

Bahagian B pula mengandungi lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang mengandungi simile. Lirik lagur filem Tamil gubahan Vairamuthu ini dipilih daripada buku yang berjudul *Vairamuthu Ayiram Padalgal*. Kesemua lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dipilih oleh pengkaji tersebut disusun rapi dalam bentuk jadual dan diberi ruangan untuk memberi komen oleh responden. Responden perlu menandakan tanda betul (/) di ruangan yang tertulis sesuai ataupun tidak sesuai. Instrumen ini dibina untuk memudahkan pengkaji membuat analisis serta memilih lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang sesuai untuk dijadikan bahan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data digunakan bagi tujuan mengumpul data. Kaedah dokumentasi telah digunakan untuk meneliti sebanyak mungkin dokumen dan bahan bacaan bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang jelas serta menyeluruh berkenaan persoalan yang telah dikaji.

Cara pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis kandungan yang dilakukan secara kualitatif. Kaedah ini digunakan untuk mengkaji secara lebih objektif dan sistematik kandungan lirik-lirik lagu berkenaan.

Terdapat tiga langkah penting dalam kaedah analisis kandungan, iaitu :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) pembacaan data

ii) pemilihan data

iii) pembahagian data

3.4.2 Pembacaan Data

Pengkaji telah membaca dan meneliti sebanyak 1000 buah lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dari sebuah koleksinya di antara tahun 2006-2010. Pengkaji dapat mengenalpasti 396 buah lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang mempunyai unsur simile dari koleksi tersebut. Dalam proses pembacaan data, pengkaji telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berusaha untuk mengenal pasti unsur-unsur simile yang terkandung dalam setiap lirik lagu.

3.4.3 Pemilihan Data

Pemilihan data dibuat berdasarkan tiga objektif utama kajian iaitu mengenal pasti unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu, menjelaskan maksud denotasi dan konotasi unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dan meneroka penggunaan unsur simile terhadap isu-isu yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.4 Pembahagian Data

Pengkaji dapat membahagikan lirik lagu-lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu kepada aspek percintaan, persaudaraan, alam sekitar, patriotik, motivasi, kebudayaan, feminism, persahabatan, pelacuran, falsafah, spiritual, bahasa, dan perkembangan sains dan teknologi, kekeluargaan, anugerahan, petani dan personaliti.

Langkah selanjutanya ialah mengenal pasti dan memilih yang mengandungi unsur perubatan tradisional. Pengaji telah memilih berunsur daripada buku peribahasa tamil yang dijadikan sebagai bahan kajian utama. Pemilihan tersebut dibuat mengikut kerangka kajian yang telah dibentuk. Kajian dan penelitian seterusnya ialah pemiihan yang sesuai daripada respondan dari tiga bidang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti pemilihan data kajian melalui maklum balas daripada beberapa pihak merupakan satu alat yang penting bagi seseorang pengakaji. Hal ini dikatakan demikian kerana kualiti kandungan maklumbalas akan menentukan nilai penyelidikan pengkaji secara menyeluruh. Segala data yang diperolehi adalah pandangan dan idea yang bernas serta kukuh daripada pihak tertentu yang arif tentang tajuk kajian pengkaji. Proses pengumpulan data maklum balas akan menentukan kualiti penyelidikan keseluruhan. Sekiranya pihak yang memberi maklum balas kurang tepat maka ini akan menjejaskan hasil atau datapatan sebuah kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih beberapa pakar dari tiga bidang utama yang berlatarbelakangkan pendidikan Tamil. Borang maklumbalas ini mengandungi berunsur yang disusun secara teratur untuk dikomen oleh responden. Responden diminta memilih item yang sesuai atau tidak sesuai dengan cara menanda (/) untuk kajian pengkaji berdasarkan skala Thurstone.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah memilih lirik lagu-lagu filem Tamil daripada sebuah koleksi yang berjudul *Vairamuthu Ayiram Padalgal*. Lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang telah dipilih disenaraikan dalam bentuk bahan maklum balas dan diserakan kepada empat orang responden yang telah ditetapkan oleh pengkaji untuk mendapatkan khidmat nasihat. Mereka terdiri daripada tiga orang Pensyarah Kanan bahasa Tamil di institut perguruan dan seorang Profesor Madya di universiti awam. Pengkaji meminta kempat-empat pihak tersebut supaya memilih dan menetapkan lirik lagu filem Tamil yang ada unsur simile dengan menggunakan borang maklum balas.

Didapati Pensyarah Kanan Unit Bahasa Tamil, Institut Perguruan Ampuan, Pahang Dr. S. Duraimuthu telah meneliti dokumen maklum balas yang mengandungi lirik lagu filem tamil gubahan Vairamuthu berunsur simile. Setelah meneliti senarai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu, beliau telah memilih kesemua lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur semile. Seorang lagi Dr.K. Palani Pensyarah Kanan Unit Bahasa Tamil Institut Perguruan Kampus Ipoh pula telah meneliti dan memilih kesemua lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur semile yang sesuai untuk kajian pengkaji. Seterusnya, pengkaji telah merujuk Dr.S.Gunaseelan yang merupakan Pensyarah Kanan Unit Bahasa Tamil Institut Perguruan Kampus Ipoh, untuk mendapatkan pengesahan pemilihan lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur simile untuk kajian. Beliau telah memilih 96 lirik lagu-lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur simile.

Dalam keadaan ini , pengkaji telah merujuk seorang lagi doktor falsafah. Beliau ialah Profesor Madya Dr. P.Karthiges yang merupakan Ketua Unit Bahasa Tamil di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjumg Malim, Perak. Beliau pula telah memilih 90 lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur simile.

Setelah berbincang dengan keempat-empat pihak tadi, pengkaji telah membuat keputusan untuk menetapkan kesemua lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur simile untuk tujuan kajian. Maka daripada justifikasi ini pengkaji akan membuktikan bahawa lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur simile akan memberi manfaat kepada masyarakat Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.5 Mencari Makna Bahan Kajian

Seterunya pengkaji akan menyusun semua bahan kajian yang telah dipilih iaitu lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur simile. Pengkaji kemudiannya mencari dan meneliti maksud konotasi dan denotasi yang terselit dalam lirik tersebut. Kerja-kerja meneliti makna sebenar telah mendorong pengkaji membuat rujukan daripada bahan sumber utama dan sampingan. Dalam mendapatkan makna sebenar lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur simile pengkaji telah menjalani satu proses yang dinamakan sebagai temubual tidak berstruktur kepada responden yang telah dipilih dahulu oleh pengkaji. Melalui temu bual tidak berstruktur ini pengkaji berupaya mendapatkan makna lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur simile yang dianggap rumit sebelum ini. Melalui cara ini pengkaji mendapat satu penjelasan yang kukuh untuk meneruskan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.6 Menyusun Dan Mengkatogerikan Bahan Kajian

Pengkaji kemudiannya menyusun dan mengkatogerikan lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu yang berunsur simile yang telah dipilih berdasarkan jenis-jenis simile. Pembahagian jenis-jenis simile dilakukan supaya dapat memudahkan kerja-kerja perincian yang lebih jelas dan membantu kajian ini menjadi lebih berfokus dan spesifik pada tajuk pilihan pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Teori Kajian

Teori didefinisikan sebagai satu skema, sistem idea atau pernyataan yang dipegang sebagai penjelasan tentang suatu kumpulan fakta atau fenomena. Dalam erti kata lain yang lebih luas, teori dibentuk melalui penerokaan ke atas sesuatu fenomena dengan mengenal pasti dan meneliti perhubungan di antara konsep sekitar fenomena (Othman Lebar, 2009).

Unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dianalisis berdasarkan pendekatan kualitatif. Pemilihan teori semiotika menurut perspektif Roland Barthes. Teori semiotika merupakan ilmu mempelajari tentang tanda, fungsi tandadan produksi makna. Kajian ini dilakukan atas dasar kesedaran yang mendasari keperluan objektif kajian dan kesuaiannya dengan bahan kajian dalam penyelidikan.

Pengkaji meneliti lirik lagu-lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu secara intrinsik yang menggambarkan unsur simile dengan menggunakan pendekatan ini..

3.5.1 Teori Semiotika

Semiotika merupakan suatu ilmu yang mengkaji tanda dalam kehidupan manusia. Pada dasarnya manusia memiliki kemampuan untuk mencari makna pada setiap gejala social yang terjadi di sekitarnya. Dalam tradisi semiotika, komunikasi pada intinya dipandang sebagai mediasi atau pertukaran tanda-tanda secara intersubjektif. Komunikasi menjelaskan dan mengembangkan penggunaan bahasa dan sistem-sistem tanda lainnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam bentuk pertukaran (mediasi) anatara perspektif yang bervariasi. (Hoed, H. Benny. 2014).

Kata semiotika berasal dari kata Yunani *'Semion'* ertinya *Sign* (tanda). Semiotika merupakan cabang ilmu yang mengkaji tanda dan proses yang berlaku bagi penggunaan tanda. Ferdinan de Saussure menambahkan, semiotik merupakan ilmu yang mengkaji tanda sebagai sebahagian dari kehidupan sosial. (Lantowa, Jafar.2017)

Roland Barthes mengacu pada Ferdinan de Saussure dengan menyelidiki hubungan penanda dan petanda pada sebuah tanda. Saussure meletakkan tanda dalam konteks bahasa komunikasi manusia tersusun dalam dua bahagian iaitu *signifier* (penanda) dan s*ignified* (petanda). *Signifier* iaitu apa yang dikatakan, ditulis, dibaca. *Signified* adalah fikiran atau konsep (gambaran mental). Barthes mencontohkan dengan seikat mawar. Seikat mawar dapat ditafsirkan untuk menandai gairah (*passion*), maka seikat kembang itu menjadi penanda dan gairah adalah petanda. Hubungan keduanya menghasilkan istilah ketiga: seikat kembang sebagai sebuah tanda. Sebagai sebuah tanda, adalah penting difahami bahawa seikat kembang sebagai penanda adalah entitas tanaman biasa. Sebagai penanda, seikat kembang adalah kosong, sedang sebagai tanda seikat kembang itu penuh. (Kurniawan, 2001)

Gagasan Roland Barthes dikenal dengan Two Order of Signification mencaku makna denotasi iaitu tingkat penandaan yang mejelaskan hubungan antara penanda dan petanda yang menghasilkan makna eksplisit, langsung, pasti atau makna sebenarnya sesuai dengan kamus. Sedangkan, makna konotasi iaitu menggambarkan interaksi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terjadi ketika tanda bertemu dengan perasaan atau emosi dari pembaca serta nilai-nilai yang lahir dari pengalaman kultural dan personal.

Barthes tak sebatas itu memahami proses penandaan, dia juga melihat aspek lain dari penandaan, iaitu “mitos" yang menandai suatu masyarakat. Perspektif Barthes tentang mitos ini menjadi salah satu ciri khas semiologinya yang membuka ranah baru semiologi, yakni penggajian lebih jauh dari penandaan untuk mencapai mitos yang bekerja dalam realitas keseharian masyarakat. Dalam bentuk praksisnya, Barthes mencuba membongkar mitos-mitos moden masyarakat melalui berbagai kajian kebudayaan. (Kurniawan.2001) Analisis semiotika biasa diterapkan itu hampir semua teks media tv, radio, surat kabar, majalah, filem, dan foto.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Signifier (Penanda)	2.Signfied (Petanda)
3. Denotasi sign (Tanda Denotatif)	
4. Connotative Signifier (Penanda Konotatif)	5. Connotatif Signified (Petanda Konotatif)
6. Connotative Sign (Tanda Konotatif)	

Rajah 3.2. Penanda & Petanda

Dari peta Roland Barthes terlihat bahawa tanda denotatif terdiri atas penanda (1) dan petanda (2). Akan tetapi, pada saat bersamaan, tanda dnotatif adalah juga penanda konotatif (4). Jadi, dalam konsep Barthes, tanda konotatif tidak sekadar memiliki makna tambahan namun juga mengandungi kedua bagian tanda denotatif yang melandasi keberadaannya. Sesungguhnya inilah sumbangan Barthes yang sangat bererti bagi penyempurnaan semiologi Saussure, yang berhenti pada padanan dalam denotatif. Pada dasarnya ada perbedaan antara denotasi dan konotasi dalam pengertian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara umum. Denotasi dimengerti sebagai makna harfiah, makna yang sesungguhnya. Sedangkan konotasi, identik dengan operasi ideologi, makna yang berada diluar kata sebenarnya atau makna kiasan, (Saifullah, Aceng Ruhendi.2018) yang disebutnya juga sebagai mitos, dan berfungsi untuk mengungkapkan dan memberikan pembenaran bagi nilai-nilai yang dominan yang berlaku dalam suatu periode tertentu. Herwedo, Rionaldo.2014).

Dalam penelitian ini objek atau tanda yang akan diamati adalah komunikasi yang dilakukan oleh Dinas Kesehatan Kota Semarang melalui sosial media Instagram pada saat kondisi Pandemi Covid-19 yang identik dengan upaya memutus rantai penyebaran virus dan mendukung program Vaksinasi. Peneliti akan menganalisis objek dengan menggunakan pendekatan semiotika Roland Barthes.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah memilih unsur simile '*Uvamaiyanihal'* yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu.

3.5.2 *Uvamaiyaniyiyal*

Uvamaiyaniyiyal dalam bahasa Tamil merujuk kepada simile dalam bahasa Melayu. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan simile sebagai perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu (orang, benda, dsb) dan yang lain, misalnya bodoh macam lembu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut teks tatabahasa *Thandiyalangaram*, terdapat 24 subunsur simile dalam *Uvamai Aniyiyal*. Antaranya ialah *Viri Uvamai Ani*, *Thogai Uvamai Ani*, *Ithara Vithara Uvamai Ani*,*Camuccaya Uvamai Ani*, *Unmai Uvamai Ani*, *Matruporul Uvamai Ani*, *Pugal Uvamai Ani*, *Nhinhthai Uvamai Ani*, *Nhiyama Uvamai Ani*, *Anhiyama Uvamai Ani*, *Aiya Uvamai Ani*, *Theritharutetra Uvamai Ani*, *Incol Uvamai Ani*, *Viparitha Uvamai Ani*, *Iyamputhal Vetkai Uvamai Ani*, *Palaporul Uvamai Ani*,*Vikara Uvamai Ani*, *Moga Uvamai Ani*, *Aputa Uvamai Ani*, *Palavayirpoli Uvamai Ani*, *Oruvayirpoli Uvamai Ani*, *Kuda Uvamai Ani*, *Pothuninggu Uvamai Ani* dan *Malai Uvamai Ani*. (tamilvu.org)

3.5.2.1 *Viri Uvamai Ani:*

05-45068 tbupsi

Viri bermaksud luas. Viri Uvamai merujuk kepada (perbandingan) simile yang luas dan mendalam yang terdapat pada peribahasa sajak atau puisi.

3.5.2.2 *Thogai Uvamai Ani:*

Thogai bermaksud tersirat. Simile dalam situasi ini dinyatakan secara tersembunyi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2.3 ***Ithara Vithara Uvamai Ani:***

Ithara Vithara bermaksud unsur simile \yang saling bergantung antara satu sama lain seperti benda, bahan atau orang.

3.5.2.4 ***Samuccaya Uvamai Ani:***

Samuchaya merujuk kepada kumpulan simile yang terdapat dalam puisi seperti pantun, sajak, gurindam, seloka dan sebagainya.

05-4506 tbupsi

3.5.2.5 ***Unmai Uvamai Ani :***

Unmai bermaksud sesuatu yang benar atau hakikat. Bentuk simile ini jarang-jarang digunakan kerana objek itu sendiri akan menjadi perbandingan.

3.5.2.6 ***Maruporul Uvamai Ani :***

Maruporul adalah simile yang kedua. Ia menggunakan simile yang baharu bagi menjelaskan simile terdahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2.7 ***Pugal Uvamai Ani :***

Pugal- ialah pemujian tentang sesuatu. Simile ini digunakan untuk memuji seseorang.

3.5.2.8 ***Nhinhthai Uvamai Ani :***

Nhinhthai bermaksud penghinaan terhadap sesuatu. Bentuk simile ini digunakan untuk membuat penghinaaan terhadap seseorang.

3.5.2.9 ***Nhiyama Uvamai Ani :***

05-45068 tbupsi

Niyama bermaksud tepat. Simile yang digunakan adalah tepat bagi benda atau orang.

3.5.2.10 ***Anhiyama Uvamai Ani :***

Aniyamam merujuk kepada simile sampingan yang boleh digunakan bagi perbandingan sesuatu benda atau seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2.11 ***Aiya Uvamai Ani :***

Aiyam merujuk kepada kesangsian. Simile yang digunakan masih mengandungi unsur keraguan dan mungkin tidak sesuai digunakan.

3.5.2.12 ***Theritharutetra Uvamai Ani :***

Theritarutheetram adalah mengkaji sesuatu secara mendalam. Simile yang digunakan boleh menimbulkan kesangsian. Setelah dikaji semula simile berkenaan maka penggunaannya menjadi tepat dan betul.

05-45068 tbupsi

3.5.2.13 ***Insol Uvamai Ani :***

Insol bererti penyebutan kata-kata manis dan indah. Unsur simile ini digunakan pada peringkat awal tetapi tidak sesuai.

3.5.2.14 ***Viparitha Uvamai Ani :***

Vibariitham merujuk kepada pertukaran benda dengan unsur simile. Benda dijadikan sebagai perbandingan atau disimilekan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2.15 ***Iyamputhal Vetkai Uvamai Ani :***

Iyambuthal Vetkai merujuk kepada luahan perasaan terhadap sesuatu.

3.5.2.16 ***Palaporul Uvamai Ani :***

Palaporul bermaksud kewujudan simile pada banyak tempat. Simile ini hanya terdapat di banyak tempat dalam puisi seperti pantun, sajak dan lain-lain.

3.5.2.17 ***Vigara Uvamai Ani :***

05-45068 tbupsi

Penggunaan simile yang berlainan untuk sesuatu benda atau orang.

3.5.2.18 ***Moga Uvamai Ani :***

Mogam bererti keghairahan terhadap sesuatu. Simile ini digunakan bagi menyatakan keghairahan terhadap sesuatu benda atau seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2.19 ***Aputa Uvamai Ani :***

Abuutham bererti benda yang tidak wujud di dunia ini. Benda yang tidak wujud di dunia ini digunakan sebagai simile.

3.5.2.20 ***Palavayirpoli Uvamai Ani :***

Palavayir pooli merujuk kepada kepelbagaian tempat. Simile ini digunakan pada semua tempat dalam puisi seperti pantun, sajak dan sebagainya.

3.5.2.21 ***Oruvayirpoli Uvamai Ani :***

Oruvayirpoli bermaksud kewujudan simile pada satu tempat sahaja. Simile ini hanya terdapat di suatu tempat dalam puisi seperti pantun, sajak dan lain-lain.

3.5.2.22 ***Kuda Uvamai Ani :***

Kuda bererti tidak sesuai. Penggunaan simile ini tidak sesuai sebagai unsur perbandingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2.23 *Pothuninggu Uvamai Ani :*

Pothu Niingu bermaksud bersetuju. Tidak setuju dengan simile yang digunakan. Malah menjadikan benda sebagai simile sendiri.

3.5.2.24 *Malai Uvamai Ani* :


Malai bererti karangan bunga untuk dijadikan kalung. Unsur simile ini digunakan satu persatu secara rapat dan menjadikannya perbandingan secara keseluruhan merujuk kepada benda atau orang.

05-45068 tbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kerangka Teori



Rajah 3.3. Kerangka Teori

3.7 Kesimpulan

Pendekatan metodologi kajian ini memberi penekanan kepada hubungan yang erat antara karya dengan kepentingan masyarakat. Kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat memberi sedikit ruang dan gambaran secara khusus di samping dapat membantu pengkaji mendapatkan hasil kajian yang lebih mantap dan berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai pendekatan dan kaedah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan sesuai dengan tajuk yang dipilih. Kesempurnaan sesuatu kajian adalah berkait rapat dengan ketepatan kaedah kajian yang bersistematik, tersusun dan mantap. Kajian ini menepati kesemua aspek tersebut seperti tepat, sistematik dan tersusun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Dalam bab dapatan kajian ini, pengkaji telah mengkaji tentang 'Unsur Simile Dalam Lirik Lagu-lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu'. Bagi membantu kajian ini, pengkaji telah memilih 396 buah lagu filem Tamil hasil karya Vairamuthu dari sebuah buku hasil karyanya (Sumber Primer) yang mengandungi 1000 buah lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu. Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif kajian iaitu, mengenal pasti unsur simile dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu, menjelaskan maksud denotasi dan konotasi unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu dan meneroka penggunaan unsur simile terhadap isu-isu yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Mengenal Pasti Unsur Simile Dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu


Bahagian ini membincangkan unsur simili dalam lirik lagu Vairamuhu berdasarkan dua aspek iaitu jenis-jenis simili mengikut teori thandi dan unsur-unsur simili ini mengikut tema yang ditetapkan. Penggunaan diksi yang dicerminkan dalam jenis-jenis simili dan tema-tema yang dipilih inilah telah menjadi pilihan peminat untuk terus mendengar dan menikmati lagu-lagu tersebut sehingga kini.

4.2.1 Jenis-Jenis Simili Mengikut Teori Thandi

Menurut teori Thandi Uvamai, terdapat lapan jenis *uvamai* atau simili iaitu simili Thogai Uvamai, simili Kuda Uvamai, simili Pugal Uvamai, simili Nhinhthai Uvamai, simili Malai Uvamai, simili Oruvayirpolipooli Uvamai, simili Aiya Uvamai dan simili Moga Uvamai. Menurut teori Thandi yang telah diaplikasi dalam gubahan lagu-lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu, terdapat sebanyak 105 simili telah dikenalpasti daripada 396 buah lagu filem Tamil. Jumlah 105 simili yang dikenal pasti ini, telah dikategorikan ke dalam lapan jenis simili seperti yang disarankan dalam teori thandi. Pecahan jenis-jenis simili ini ditunjukkan seperti dalam gambar rajah 4.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Jenis-jenis Simili Mengikut Teori Thogai Uvamai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut pecahan tersebut, didapati bahawa sebanyak 77 (73%) simile *Thogai Uvamai*, 2 (2%) simile *Kuda Uvamai*, 14 (13%) simile *Pugal Uvamai*, 4 (4%) simile *Nhinhthai Uvamai*, 3 (3%) simile *Malai Uvamai*, 1 (1%) simile *Oruvayirpoli Uvamai*, 2 (2%) *Aiya Uvamai* dan 2 (2%) *Moga Uvamai* dikenal pasti. Daripada analisis ini didapati bahawa simili jenis Thogai Uvamai adalah jenis yang paling banyak digunakan oleh Vairamuthu iaitu sebanyak 73%. Bilangan ini agak besar berbanding dengan jenis-jenis simili lain dan seolah-olah jenis-jenis simili lain tidak banyak berperanan dalam lagu-lagu Vairamuthu yang telah dipilih untuk kajian ini.

Bahagian setersunya menjelaskan jenis-jenis simili ini mengikut teori thandi dengan contoh-contoh yang sesuai. Daripada jumlah setiap jenis simili hanya 10% sahaja telah dipilih secara rawak dan diberikan sebagai contoh di bahagian seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, bagi *thogai uvamai ani* jumlah contoh yang diberikan adalah 7 dan semua jenis uvamai yang lain hanya satu contoh sahaja diberikan memandangkan bilangan *uvamai* tersebut adalah kurang daripada 14.

4.2.1.1 *Thogai Uvamai Ani*: *தொகை உவமை அணி*


Contoh 1:

Thogai bermaksud tersirat. Simile dalam situasi ini dinyatakan secara tersirat.

> *ஒரு புதையல் -ஒரு குவியல் -மலைவாசல் என்னிடம் உண்டு*
> *அலிபாபா அலிபாபா அட உங்களில் யார் உண்டு*
>
> (வைரமுத்து, பக். *849,* 2011)

> ***Sebuah hartakarun - setimbun - gerbang gunung ada pada saya***
> ***Siapakah Ali Baba antara anda semua***
>
> (Vairamuthu, hln. 849, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, terdapat perkataan *Ali Baba* sebagai unsur simili untuk belia bersifat gagah dan berani memikat hati perempuan. Umumnya *Ali Baba* adalah nama seorang individu, tersiratnya *Ali Baba* dilambangkan sebagai seorang yang gagah dan berani untuk mencuri harta orang lain.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 2:


சித்தாடைப் புயல்கள் நாங்கள்
சருகுகளே அட வழிவிட்டுப் போங்கள்

(வைரமுத்து, பக். *850,* 2011)

Kami bagaikan ribut
Daun-daun kering sila beri laluan untuk kami

(Vairamuthu, hlm. 850, 2011)

Dalam lirik lagu di atas *sithadai puyalgal naangal* merupakan unsur simile yang menunjukkan kata sifat seseorang. Umumnya *sithadai* adalah *baju*, tersiratnya dilambangkan sebagai generasi muda yang bergerak pantas. Perkataan *sarugugal* pula daun kering memberi dua maksud yang berbeza iaitu daun kering diibaratkan sebagai orang sudah jadi tua dan satu lagi maksudnya adalah menghalang perjalanan. Perkara ini juga telah dilambangkan secara tersirat dalam lagu tersebut.



Contoh 3:

ஒல்லிக்குச்சி ஒடம்புக்காரி
ஒட்டிக்கிட்டா உடும்புக்காரி

(வைரமுத்து, பக். 854, 2011)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gadis bertubuh kurus seperti lidi
Kalau berpeluk seperti biawak

(Vairamuthu, hlm. 854, 2011)

Dalam lirik lagu ini, *Ollikuchi odambukkari* adalah simili yang digunakan untuk seorang gadis yang mempunyai bentuk badan kurus. Unsur tersirat di sini adalah gadis yang berada dalam alam percintaan dan bersedia untuk berkahwin. Perkara ini tidak dinyatakan secara langsung dalam simili ini.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 4:

நான் கானாங்கொளத்து மீனே -ஒன்னைக்
கவுக்கப் போறேன் நானே

(வைரமுத்து, பக். 854, 2011)


Aku seekor ikan temenung,
Yang akan pastikan anda terperangkap dalam jerat cintaku

(Vairamuthu, hlm. 854, 2011)

Dalam lirik ini seorang gadis diibaratkan sebagai ikan. Ikan ini mempunyai kekuatan untuk menawan ikan lain dalam kolam. Tersiratnya, kejelitaan ini diibaratkan sebagai kekuatan. Si lelaki tidak dapat terlepas daripada gadis yang mempunyai sifat tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Contoh 5:

மூன்றுமணி நேரம் போல மூன்றே பருவம்தான்
குழந்தைப் பருவம் ஒன்று இளமைப் பருவம் இரண்டு
முதுமைப் பருவம் மூன்று

(வைரமுத்து, பக். 859, 2011)

Tiga alam yang dilalui manusia, mengambil masa seolah-olah tiga jam sahaja
Pertama alam kanak-kanak, kedua alam remaja dan
ketiga alam dewasa

(Vairamuthu, hlm. 859, 2011)



Dalam lirik lagu di atas, *moonru mani neram* merupakan simile yang menunjukkan kata sifat iaitu masa. Maksud denotasi yang ingin disampaikan oleh penyajak melalui lirik lagu di atas ialah beliau menyatakan bahawa kehidupan ini diibaratkan sebagai tiga peringkat alam iaitu, kanak-kanak, remaja dan dewasa. Menurutnya, ketiga-tiga peringkat alam tersebut berlaku dengan cepat seperti masa tiga jam. Yang tersirat di sini adalah penyajak menasihatkan agar setiap orang haruslah menggunakan alam mereka dengan bijak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 6:

உன் நிறம் போலே என் நிறம் மாற
வரம் ஒன்று தருவாய் பாபா


(வைரமுத்து, பக். 860, 2011)

Baba berilah saya mukjizat
Untuk menukar warna kulit saya seperti warna kulit anda

(Vairamuthu, hlm. 860, 2011)

Dalam lirik di atas, perkataan *niram* dijadikan sebagai simili. Perkataan *niram* bererti warna. Gadis dalam lagu ini meminta lelaki tersebut menganugerahkan kebolehan untuk menukar warna kulit seperti si lelaki tersebut. Tersiratnya kekasih gadis itu iaitu lelaki tersebut sangat cantik dan kacak dipandang orang. Oleh itu, gadis tersebut meminta pada lelaki tersebut supaya lelaki tersebut dapat memberi mukjizat untuk menukar warna kulitnya kepada gadis tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Contoh 7:

எனை நம்பி வந்தவரை ஏமாற்ற மாட்டேன்
ஏணியாய் நானிருந்து ஏமாற மாட்டேன்

(வைரமுத்து, பக். 861, 2011)


Saya tidak akan mengecewakan orang
yang mempercayai saya.
Saya juga tidak akan berdiam diri
Jika dijadikan tangga untuk mencapai matlamat peribadi seseorang

(Vairamuthu, hlm. 861, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkataan *eeniyai* iaitu tangga merupakan simile. *eeni* merupakan objek yang membolehkan seseorang menggunakannya untuk naik ke atas. Apa yang menjadi tersirat di sini adalah lagu ini tidak akan mengecewakan orang yang mempercayainya. Tambahan pula, dia juga tidak sanggup ditipu oleh orang sebagai tangga untuk mengejar kejayaan mengejar. Selain itu, seseorang individu juga setia kepada orang atasannya. Dia suka bekerja dan ingin bersikap jujur kepada majikannya.



4.2.1.2 *Kuda Uvamai Ani*: *கூடா உவமை அணி*

Kuda bererti tidak sesuai. Penggunaan simile ini tidak sesuai sebagai unsur perbandingan.

ஆகாயச் சூரியனை ஒற்றைச் சடையில் கட்டியவன்
நின்றாடும் விண்மீனை நெற்றிச் சுட்டியில் ஒட்டியவள்
இவள் தானே எரிமலை அள்ளி மருதாணி போல் பூசியவள்
(வைரமுத்து, பக். 848, 2011)

Matahari di kayangan, diikat dengan tocang
Satelite yang menari dilekat pada dahi
Diambilnya lava gunung berapi untuk diinai
(Vairamuthu, hlm. 848, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *maruthani pole* merupakan simile. Perkataan *maruthani pole* merujuk kepada seperti inai. Perkataan ini tergolong dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

simile *Kuda Uvamai*. Simili dalam liriklagu ini menggambarkan seerang gadis mengambil gunung berapi dan menyapunya di seluruh badan seperti inai. Lava gunung berapi merupakan satu unsur bencana alam yang panas dan sangat berbahaya kepada manusia. Kesan gunung berapi telah menyebabkan kematian dan kemusnahan kepada manusia. Oleh itu, simile ini merupakan simile yang tidak sesuai bagi lagu ini kerana sifat inai dan sifat gunung berapi berbeza.

4.2.1.3 *Aiya Uvamai Ani*: *ஐய உவமை அணி*

Aiyam merujuk kepada kesangsian. Simile yang digunakan masih mengandungi unsur keraguan atau kesangsian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

மறு பிறவி உண்டுன்னா
எனக்கென்ன வேணும்
இந்த மகளுக்கோ தாய்க்கோ நான்
மகனாக வேணும்
வெயிலோ முயலோ பருகும் வண்ணம்
வெள்ளைப் பனித்துளி ஆகேனோ

(வைரமுத்து, பக். 1086, 2011)

Sekiranya ada kelahiran semula,
Apakah keinginanku,
Menjadi anak kepada gadisku atau ibuku
Atau menjadi minuman matahari atau arnab
Atau Embun pagi yang putih jernih

(Vairamuthu, hlm. 1086, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *panithuli* merujuk kepada embun. Perkataan ini tergolong dalam simile *aiya Uvamai*. Bermaksud aspek embun ini digambarkan sebagai sesuatu yang bersifat sangsi. Dalam frasa *aakeeno*, apitan 'o' menggambarkan kesangsian seseorang individu. Kesangsian ini merupakan *ciri aiya uvamai ani.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.4 *Pugal Uvamai Ani*: *புகழ் உவமை அணி*

Pugal- ialah pemujian tentang sesuatu. Simile ini digunakan untuk memuji seseorang.

தலையுள்ள
பயல்கள் எல்லாம்
தலைவன் இல்ல
தல போல வருமா
தல போல வருமா

(வைரமுத்து, பக். 922, 2011)

Semua remaja yang berkepala,
Bukannya ketua,
Tiada siapa yang boleh menyaingi
Tiada siapa yang boleh menyaingi
Ketua ini

(Vairamuthu, hlm. 922, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *thale pole* merupakan simile. Perkataan *thale pole* merujuk kepada seperti pelakon bernama Ajith Kumar. Perkataan ini tergolong dalam simile *Pugal- Uvamai*. Pelakon Ajith Kumar (nama samaran thale) yang merupakan pelakon terkenal di industri perfileman Tamil di Tamilnadu, India dijadikan sebagai simili bagi menonjolkan popularitinya. Dia mempunyai ramai peminat. Para peminat memangilnya dengan nama samaran iaitu *'thale'* yang bermaksud ketua kumpulan. Oleh itu, para peminatnya memujinya sebagai idola yang menjadi ketua kepada semua peminatnya yang ingin setia seperti beliau.

4.2.1.5 *Nhinhthai Uvamai Ani*: *நிந்தை உவமை அணி*

Nhinhthai bermaksud penghinaan terhadap sesuatu. Bentuk simile ini digunakan untuk membuat penghinaaan terhadap seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

வெளிநாட்டு மோகம் -மது
வெறியைப்போலே தீரவில்லை
தாய் நாட்டை மறந்தால் -உன்
தாய்க்கு நீயும் பிள்ளையில்லை

(வைரமுத்து, பக். 1133, 2011)

Tarikan ke negara luar
Umpama ketagihan alkohol yang tidak berpenghujung
Negara tanah tumpah darahmu dilupa
Kamu bukanlah anak kepada ibumu

(Vairamuthu, hlm. 1133, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *mathu veriyai pole* merupakan simile. Perkataan *mathu veriyai pole* merujuk kepada seperti orang ketagihan arak. Perkataan ini tergolong dalam simile *Nhinhthai Uvamai*. Ketagihan arak dilihat sebagai sesuatu yang menjijikan dan dipandang rendah. Jadi penggunaan simili *mathu veri* (arak) merupakan simili ninththai seperti yang disarankan dalam thandi kerana simili ini merupakan sesuatu perbuatan yang terhina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.6 *Malai Uvamai Ani. மாலை உவமை அணி*

Malai bererti karangan bunga untuk dijadikan kalung. Unsur simile ini digunakan satu persatu secara rapat dan menjadikannya perbandingan secara keseluruhan merujuk kepada benda atau orang.

வேலைபோல தெய்வம் இல்லை
வேர்வை போல தீர்த்தம் இல்லை
உந்தேகம் உனதானால் -அட அதுபோல நண்பன் இல்லை

(வைரமுத்து, பக். 1165, 2011)

Tiada Tuhan seperti pekerjaanmu
Tiada air suci(theertham) seperti peluh
Orang yang memahami dahagamu adalah teman sejati

(Vairamuthu, hlm. 1165, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *velai pole* and *vervai pole* merupakan simile. Perkataan *velai pole* merujuk kepada seperti pekerjaan dan *vervai pole* merujuk kepada titik peluh. Perkataan ini tergolong dalam simile *Malai Uvamai*. Dua ungkapan iaitu *velai* (pekerjaan) dan *vervai* (titik peluh) digunakan secara satu per satu bagi menggambarkan situasi memberi penghormatan dan mengutamakan pekerjaan yang sedang buat dan tidak seharusnya malas untuk bekerja. Tambahan pulan kedua-dua ungkapan tersebut mempunyai kaitan kesan akibat antara satu sama lain. Jadi yang ini merupakan *malai uvamai*.

4.2.1.7 *Oruvayirpoli Uvamai Ani*: *ஒருவயிற்போலி உவமை அணி*

Oruvayirpoli bermaksud kewujudan simile pada satu tempat sahaja. Simile ini hanya terdapat di suatu tempat dalam puisi seperti pantun, sajak dan lain-lain.

> *தழுவச் சுற்றமுண்டு - தாய்போல ஊருமுண்டு*
> *கடல் தாண்டி பூமி உண்டு - மதம் கடந்தும் சொந்தமுண்டு*
>
> (வைரமுத்து, 2011)

> ***Ada angin yang menyapa lembut – Ada tempat lahir seperti ibu***
> ***Ada bumi melangawi lautan – Ada persaudaraan mengatasi batasan agama.***
>
> (Vairamuthu, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *thaai pole* merupakan simile. Perkataan *thaai pole* merujuk kepada seperti ibu. Perkataan ini tergolong dalam simile *Oruvayirpoli Uvamai*. Simili ini hanya boleh digunakan di satu tempat sahaja dan tidak boleh dibandingkan dengan apa-apa perkataan lain. Simili dalam lirik ini, dirinya dikelilingi oleh saudara. Tambahan pula, dia mempunyai kampung yang boleh melindunginya seperti ibu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.8 *Moga Uvamai Ani*: *மோக உவமை அணி*

Mogam bererti keghairahan terhadap sesuatu. Simile ini digunakan bagi menyatakan keghairahan terhadap sesuatu benda atau seseorang.

பணயக் கைதிபோல என்ன
ஆட்டிப் படைக்கிற
பங்குச் சந்தையப் போல என்ன
ஏத்தி இறக்குற

(வைரமுத்து, பக். 1135, 2011)

Anda menyintai saya sebagai banduan
Anda menarik hati saya seperti bursa saham

(Vairamuthu, hlm. 1135, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *pangu santhaiyai pole* merupakan simile. Perkataan *pangu santhaiyai pole* bererti seperti bursa saham. Perkataan ini tergolong dalam simile *Moga Uvamai.* Ini adalah kerana seseorang yang terlibat dalam pasaran saham tidak begitu mudah untuk menghentikannya kerana nasfsu mereka akan menjadikan mereka terus melibatkan diri dalam aktiviti seumpama itu.

4.2.2 Unsur-unsur Simili Mengikut Tema

Daripada jumlah simile 105 yang digunakan oleh Vairamuthu dalam lirik lagu filem Tamil gubahannya dapat digulungkan dalam tiga belas jenis tema. Antaranya ialah percintaan, moral, kehidupan, alam semulajadi, keberanian, motivasi, spritual, falsafah, persahabatan, perhubungan keluarga, kasih sayang, pentadbiran dan perkhidmatan, Jadual 4.2 di bawah menunjukan jenis-jenis tema yang digunakan oleh Vairamuthu dalam lirik lagu filem Tamil gubahannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Jenis-Jenis Tema Yang Terdapat Dalam Lirik Lagu Filem Tamil Gubahan Vairamuthu

Bil.	Tema Yang Dismilekan	Bilangan Simile	Peratus (%) Simile
1.	Percintaan	63	60
2.	Moral	2	1.9
3.	Kehidupan	5	4.8
4.	Alam semulajadi	3	2.9
5.	Keberanian	1	1.0
6.	Motivasi	6	5.7
7.	Spritual	2	2.1
8.	Falsafah	6	5.7
9.	Persahabatan	4	3.8
10.	Perhubungan Keluarga	8	7.6
11.	Kasih sayang	2	1.9
12.	Pentadbiran	2	1.9
13.	Perkhidmatan	1	1.0
	Jumlah	**105**	**100**

Vairamuthu telah menggunakan 63 (60%) unsur simili yang bertemakan percintaan. Manakala 8 (7.6%) unsur simile bertemakan hubungan kekeluargaan. Vairamuthu juga memberi keutamaan kepada tema motivasi dan spritual yang masing-masing mencatat 6 unsur simile iaitu 5.7%. Seterusnya unsur simile sebanyak 5 (4.8%) adalah tema tema kehidupan. Tema persahabatan pula mempunyai 4 (3.8%). Manakala 3 unsur iaitu 2.9% simile terdapat dalam tema alam semulajadi. Bagi tema spritual pula terdapat 2 unsur simile iaitu 2.1%. Tema kasih sayang dan Kepimpinan masing-masing mencatat 2 unsur simile iaitu 1.9% dan tema keberanian dan tema perkhidmatan masing-masing mempunyai satu iaitu 1.0% unsur simile.

Daripada tema-tema yang digunakan dalam lirik lagu ini dapat disimpulkan bahawa tema percintaan adalah yang paling menonjol dan banyak digunakan oleh Vairamuthu. Penggunaan simili bertemakan percintaan ini adalah sebagai satu usaha beliau untuk menggambarkan aspek percintaan yang paling berkait rapat dengan lagu-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lagu dalam filem yang melibatkan "*hero*" dan "*heroin*". Jadi simili percintaan dapat memberi gambaran yang lebih jelas untuk menerangkan konsep percintaan dalam lirik lagu tersebut.

Jika kita lihat daripada aspek emosi jumlah simili adalah 72 (69%) iaitu percintaan (63), keberanian (1), motivasi (6), kasih sayang (2). Jadi aspek emosi sangat diketengahkan dalam lirik lagu-lagu Vairamuthu. Selain itu, aspek yang diberi tumpuan dalam lirik lagu adalah aspek perhubungan sejumlah 12 (11.4%) iaitu hubungan kekeluargaan sebanyak 8 dan persahabatan sebanyak 4. Manakala aspek-aspek lain tidak diberi tumpuan oleh Vairamuthu.

Pemilihan tema untuk dijadikan sebagai simili adalah sesuatu yang penting khususnya dalam lirik lagu. Vairamuthu menggunakan tema-tema yang disenaraikan di atas dalam lirik lagunya dengan berjaya untuk menyampaikan mesej yang ingin disampaikan oleh beliau dengan tepat efektif.

4.3 Menjelaskan maksud denotasi, konotasi dan mitos unsur simile yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu.

Makna denotasi ialah makna asal ataupun makna yang tergolong dalam leksim. Makna ini hampir sama dengan makna leksikal. Makna konotatif adalah makna lain yang ditambahkan pada makna denotatif yang berkaitan dengan pengertian nilai yang menggunakan kata tersebut. Makna simile yang digunakan dalam lirik lagu Vairamuthu dianalisis dengan teori semiotik Roland Barthes untuk menentukan makna denotasi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konotasi. Berikut adalah makna denotasi, makna konotasi dan mitos yang telah dikenal pasti dalam lirik lagu Vairamuthu.

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
Dalam lirik lagu di atas, perkataan *munmolinthathu pole* merupakan simile. Perkataan *munmolinthathu pole* merujuk kepada seperti dicadangkan. Lirik lagu di atas merupakan sebaris lirik yang memberi motivasi kepada semua orang. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah A.P.J Abdul Kalam merupakan bekas presiden India yang disegani rakyat pelusuk dunia. Beliau selalu menyarankan rakyat agar bermimpi untuk mencapai sesuatu. Menurutnya, orang yang bermimpi akan berjaya untuk mencapai sesuatu yang telah dicita-citakan oleh mereka. Oleh itu, penyajak Vairamuthu mengajak semua orang untuk bermimpi seperti yang disarankan oleh A.P.J Abdul Kalam. Abdul Kalam menyatakan jika seseorang bermimpi akan sesuatu sekali sahaja, maka ia adalah mimpi biasa. Jika bermimpi benda yang sama sebanyak dua kali ia adalah keinginan, jika bermimpi benda yang sama buat beberapa kali, maka ia adalah cita-cita yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maka, maksud konotasi lirik lagu ini ialah seseorang yang menghajatkan sesuatu yang besar, hendaklah sentiasa mengingati perkara itu sehingga terbawa-bawa ke mimpi sehingga cita-cita itu tercapai. Maka, mitos yang dapat dilihat dalam lagu ini ialah A.P.J Abdul Kalam merupakan bekas presiden India yang disegani rakyat pelusuk dunia. Beliau selalu menyarankan rakyat agar bermimpi untuk mencapai sesuatu. Menurutnya, orang yang bermimpi akan berjaya untuk mencapai sesuatu yang telah dicita-citakan oleh mereka

திருமணம் கண்ட பின்பு இராமன் போல வாழ்வதென்று
முடி வொன்று எடுத்துவிட் டேன்
திருமணம் காணும் வரை தசரதன் போல வாழ
முயற்சிகள் தொடங்கி விட் டேன்

(வைரமுத்து, பக். 1047, 2011)

Saya ingin hidup seperti Raman selepas berumah tangga tetapi
Sebelum berkahwin saya telah mula hidup seperti Tasaratan

(Vairamuthu, hlm. 1047, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
thasarathan pole dan *raman pole*	marilah kita melabur bersama-sama dalam api percintaan dan ia juga menerangkan bahawa marilah kita menukarkan waktu malam ini seperti waktu siang dengan kasih sayang kita	ramai lelaki yang ingin hidup bebas sebelum berkahwin dan mempunyai ramai teman wanita, tetapi selepas berkahwin mereka begitu setia dengan isteri yang dikahwini secara sah di sisi undang-undang	Raman merupakan watak utama dalam epik Ramayana. Beliau merupakan seorang yang setia terhadap isterinya Seetha. Epik ini memberi pengajaran kepada masyarakat India, iaitu setialah terhadap suami atau isteri manakala Thasarathan merupakan watak yang sentiasa bergaul rapat dengan para gadis..

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *thasarathan pole* dan *raman pole* merupakan simile. Perkataan *Thasarathan pole* merujuk kepada seperti *Thasarathan* dan *raman*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pole merujuk kepada seperti *raman pole*. Raman merupakan watak utama dalam epik Ramayana. Beliau merupakan seorang yang setia terhadap isterinya Seetha. Epik ini memberi pengajaran kepada masyarakat India, iaitu setialah terhadap suami atau isteri manakala Thasarathan merupakan watak yang sentiasa bergaul rapat dengan para gadis. Secara umumya, keadaan ini mungkin berlaku dalam kalangan para lelaki sebelum berumah tangga. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah si lelaki dalam lirik lagu ini ingin menjadi seorang seperti Thasarathan sebelum dia berumah tangga dan seperti Raman selepas dia berumah tangga. Maksud konotasi lirik lagu ini ialah ramai lelaki yang ingin hidup bebas sebelum berkahwin dan mempunyai ramai teman wanita, tetapi selepas berkahwin mereka begitu setia dengan isteri yang dikahwini secara sah di sisi undang-undang. Mitosnya pula Raman merupakan watak utama dalam epik Ramayana. Beliau merupakan seorang yang setia terhadap isterinya Seetha. Epik ini memberi pengajaran kepada masyarakat India, iaitu setialah terhadap suami atau isteri manakala Thasarathan merupakan watak yang sentiasa bergaul rapat dengan para gadi.

வந்திருச்சுக் காள வேட்டப்புலி போல
வெற்றி வந்த வேள போடுங்கடி மால

(வைரமுத்து, பக். 1067, 2011)

Lembu jantan telah tiba
Seperti harimau yang garang
Dikala kejayaan datang bertalu
Kalungkanlah bunga wahai gadis

(Vairamuthu, hlm. 1067, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
vettapuli pole	harimau yang memburu	lelaki itu sangat berani seperti harimau dan hendaklah dipuji kerana telah menang dalam pertarungan. Beliau patut menerima segala penghormatan dan gadis perlu mengalungkan bunga malai dan cuba memilikinya	harimau garang menjadi simbol untuk berani.

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *vettapuli pole* merupakan simile. Perkataan *vettapuli pole* merujuk kepada seperti harimau yang memburu. *Vettapuli* yang bermaksud harimau garang menjadi simbol untuk berani. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah lelaki itu sangat berani seperti harimau dan hendaklah dipuji kerana telah menang dalam pertarungan. Beliau patut menerima segala penghormatan dan gadis perlu mengalungkan bunga malai dan cuba memilikinya. Mitos ialah harimau garang menjadi simbol untuk berani.

கடமை செய்வதில் கொம்பன்
கடவுள் இவனுக்கு நண்பன்
நம்பிய பேருக்கு மன்னன்
நன்றியில் இவன் ஒரு கர்ணன்
அடடா அடடா அடடா
'தல' போல வருமா

(வைரமுத்து, பக். 1139, 2011)

Dalam menjalankan tanggungjawab dia adalah wira
Tuhan sahabat kepadanya,
Raja bagi orang yang mempercayainya
Dia itu adalah seorang dermawan ketika berterima kasih
Tiada pengganti bagi Thala (Ketua)

(Vairamuthu, hlm. 1139, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
thala pole	para peminatnya memujinya sebagai ketua bagi kumpulan mereka kerana dia sentiasa menunaikan tanggungjawabnya.	*Thale* merupakan orang yang mempunyai banyak nilai murni pada dirinya dan dapat memimpin orang bawahnya menjadi manusia yang berguna. Oleh itu, dia dianggap ketua bagi kumpulan mereka dan tidak ada sesiapapun yang dapat menggantikan dirinya.	Ajith Kumar merupakan pelakon terkenal di industri perfileman Tamil di Tamilnadu, India. Dia mempunyai ramai peminat. Para peminat memangilnya dengan nama samaran iaitu '*thale'* yang bermaksud ketua kumpulan

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *thala pole* merupakan simile. Perkataan *thala pole* merujuk kepada seperti pemimpin yang sangat. Ajith Kumar merupakan pelakon terkenal di industri perfileman Tamil di Tamilnadu, India. Dia mempunyai ramai peminat. Para peminat memangilnya dengan nama samaran iaitu '*thale'* yang bermaksud ketua kumpulan. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah para peminatnya memujinya sebagai ketua bagi kumpulan mereka kerana dia sentiasa menunaikan tanggungjawabnya. Tambahan pula, Tuhan sentiasa bersama orang yang baik dan melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna. Dia akan menjadi raja bagi orang dipercayainya dan menunaikan segala janjinya kepada orang di bawah pimpinannya. Dia juga berjiwa *Karnan* (seorang dermawan sehingga dan selepas hayatnya) semasa berterima kasih. *Thale* merupakan orang yang mempunyai banyak nilai murni pada dirinya dan dapat memimpin orang bawahnya menjadi manusia yang berguna. Oleh itu, dia dianggap ketua bagi kumpulan mereka dan tidak ada sesiapapun yang dapat menggantikan dirinya. Mitos yang dapat dilihat dalam lagu ini ialah Ajith Kumar merupakan pelakon terkenal di industri perfileman Tamil di Tamilnadu, India. Dia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai ramai peminat. Para peminat memangilnya dengan nama samaran iaitu '*thale'* yang bermaksud ketua kumpulan

எங்க ரூம் மேட்டு அஜித் போல
எங்க கிளாஸ்மேட்டு விஜயப் போல -ஆனா
கொண்டாடத் திரிஷா இல்லை

(வைரமுத்து, பக். 1148, 2011)

Ajith adalah seperti rakan sebilikku
Rakan sekelasku pula seperti Vijay
Tiada Trisha untuk meraikannya.

(Vairamuthu, hlm. 1148, 2011)

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
Ajith pole dan *Vijay pole*	kedua-dua pelakon tersebut merupakan pelakon yang mempunyai hubungan langsung dengan para pemintanya dan sentiasa menasihati mereka untuk menjadi orang yang berjaya dan tidak membazir seperti orang lain.	kedua-dua selebriti ini sentiasa dekat di hati rakyat walaupun jauh di mana para peminatnya kerana bagi rakyat, kedua-dua selebriti ini merupakan orang yang baik.	Mereka adalah pelakon utama filem Tamil di Tamilnadu, India.

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *Ajith pole* dan *Vijay pole* merupakan simile. Perkataan *Ajith pole* dan *Vijay pole* merujuk kepada seperti Ajith dan seperti Vijay. Mereka adalah pelakon utama filem Tamil di Tamilnadu, India. Mereka dipuji oleh para peminat. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah kedua-dua pelakon tersebut merupakan pelakon yang mempunyai hubungan langsung dengan para pemintanya dan sentiasa menasihati mereka untuk menjadi orang yang berjaya dan tidak membazir seperti orang lain. Maksud konotasi yang ingin disampaikan oleh penyajak ialah kedua-dua selebriti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini sentiasa dekat di hati rakyat walaupun jauh di mana para peminatnya kerana bagi rakyat, kedua-dua selebriti ini merupakan orang yang baik. Mitosnya, mereka adalah pelakon utama filem Tamil di Tamilnadu, India.

எஸ்.பி.பி. குரலப் போல ஏழு பேரு கூவுவான்
சித்ராவின் குரலப் போல நாலு பேரு பாடுவான்

(வைரமுத்து, பக். 1149, 2011)

Tujuh orang akan berkokok seperti S.P.B.(penyanyi lelaki terkenal di TamilNadu)
Empat orang akan menyanyi seperti Chitra(penyanyi perempuan terkenal di TamilNadu

(Vairamuthu, hlm. 1149, 2011)

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
S.P.B kurale pole dan *Chitravin kurale pole*	kedua-dua penyanyi S.P.B dan Chitra merupakan penyanyi terkenal di industri perfileman Tamil di Tamailnadu, India dan mereka sentiasa dikerumuni oleh para peminatnya. Oleh itu, penyajak Vairamuthu dalam lirik lagu di atas menyatakan bahawa tujuh orang berteriak seperti S.P.B dan empat orang menyanyi seperti Chitra	ramai yang ingin menyanyi seperti kedua-dua legenda ini, tetapi mereka tidak dapat mencapai suara emas yang dimiliki oleh kedua-dua selebriti ini.	kedua-dua penyanyi S.P.B dan Chitra merupakan penyanyi terkenal di industri perfileman Tamil di Tamailnadu, India dan mereka sentiasa dikerumuni oleh para peminatnya

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *S.P.B kurale pole* dan *Chitravin kurale pole* merupakan simile. Perkataan *S.P.B kurale pole* dan *Chitravin kurale* bermaksud seperti suara penyanyi terkenal S.P.B dan Chitra di Tamilnadu, India. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah kedua-dua penyanyi S.P.B dan Chitra merupakan penyanyi terkenal di industri perfileman Tamil di Tamailnadu, India dan mereka sentiasa dikerumuni oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

para peminatnya. Oleh itu, penyajak Vairamuthu dalam lirik lagu di atas menyatakan bahawa tujuh orang berteriak seperti S.P.B dan empat orang menyanyi seperti Chitra. Maksud konotasi lirik lagu ini ialah ramai yang ingin menyanyi seperti kedua-dua legenda ini, tetapi mereka tidak dapat mencapai suara emas yang dimiliki oleh kedua-dua selebriti ini. Mitos bagi lirik lagu ini ialah kedua-dua penyanyi S.P.B dan Chitra merupakan penyanyi terkenal di industri perfileman Tamil di Tamailnadu, India dan mereka sentiasa dikerumuni oleh para peminatnya

Nhinhthai bermaksud penghinaan terhadap sesuatu. Bentuk simile ini digunakan untuk membuat penghinaaan terhadap seseorang.

வெளிநாட்டு மோகம் -மது
வெறியைப்போலே தீரவில்லை
தாய் நாட்டை மறந்தால் -உன்
தாய்க்கு நீயும் பிள்ளையில்லை

(வைரமுத்து, பக். 1133, 2011)

Tarikan ke negara luar
Umpama ketagihan alkohol yang tidak berpenghujung
Negara tanah tumpah darahmu dilupa
Kamu bukanlah anak kepada ibumu

(Vairamuthu, hlm. 1133, 2011)

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
mathu veriyai pole	keinginan untuk berhijrah ke luar negara, terutamanya ke negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Singapura, Arab Saudi dan tarikan dollar serta dinar amat mempengaruhi	pengaruh terhadap luar negara masih kuat di hati setiap orang di dunia ini	pengaruh atau keinginan ke luar negara tidak akan berkurangan seperti ketagihan arak yang tidak dapat dilepaskan dengan cepat dan kadang-kadang ketagihan ini membawa seseorang ke liang lahad. Orang yang melupakan negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	penduduk negara-negara membangun dan miskin		asalnya seolah-olah seperti melupakan ibu kandungnya. Lagu filem Tamil lakonan MGR iaitu '*Naadu Athey Naadu*' adalah lagu yang sepadan dengan lirik lagu di atas

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *mathu veriyai pole* merupakan simile. Perkataan *mathu veriyai pole* merujuk kepada seperti orang ketagihan arak. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah keinginan untuk berhijrah ke luar negara, terutamanya ke negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Singapura, Arab Saudi dan tarikan dollar serta dinar amat mempengaruhi penduduk negara-negara membangun dan miskin. Maksud konotasi lirik lagu ini ialah pengaruh terhadap luar negara masih kuat di hati setiap orang di dunia ini. Mereka sentiasa memandang tinggi pembangunan pesat dalam bidang sains dan teknologi serta pendidikan di negara-negara maju tersebut. Gaji yang lumayan dapat mengubah kehidupan mereka yang daif di negara asal. Orang yang melupakan negara asalnya seolah-olah seperti melupakan ibu kandungnya. Lagu filem Tamil lakonan MGR iaitu '*Naadu Athey Naadu*' adalah lagu yang sepadan dengan lirik lagu di atas.mitos ialah pengaruh atau keinginan ke luar negara tidak akan berkurangan seperti ketagihan arak yang tidak dapat dilepaskan dengan cepat dan kadang-kadang ketagihan ini membawa seseorang ke liang lahad.

படுக்கும் இடமெல்லாம் சொர்க்கம்
படுக்கை முழுவதும் ரொக்கம்
காட்டுச் சிங்கம் போல் வாழ்ந்தும்
கண்களில் உறக்கமில்லை

(வைரமுத்து, பக். 1140, 2011)

Di mana aku tidur, di situlah syurga.
Wang tunai memenuhi tilamku
Hidup bagai singa di hutan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mataku tidak mengantuk

(Vairamuthu, hlm. 1140, 2011)

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
singam pol	dia hidup seperti singa dan tempat tidurnya seperti syurga. Tempat tidurnya terdapat wang tunai merata-rata. Walaupun begitu dia tidak boleh tidur lena.	keadaan ini menunjukkan lumrah kehidupan di dunia ini biasanya orang yang terlalu kaya, kurang lena. Ini menggambarkan kehidupan manusia yang bergerak pantas sehingga tidak mempunyai masa untuk berehat. Manusia perlulah mendapat tidur dan rehat yang mencukupi berbanding wang ringgit dan kuasa.	Singa merupakan raja di hutan tetapi dalam lirik lagu di atas walaupun dia hidup sebagai raja tetapi tidak dapat tidur dengan lena

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam lirik lagu di atas, perkataan kaatu *singam pol* merupakan simile. Perkataan *kaatu singam pol* merujuk kepada seperti singa. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah dia hidup seperti singa dan tempat tidurnya seperti syurga. Tempat tidurnya terdapat wang tunai merata-rata. Walaupun begitu dia tidak boleh tidur lena. Singa merupakan raja di hutan tetapi dalam lirik lagu di atas walaupun dia hidup sebagai raja tetapi tidak dapat tidur dengan lena. Maksud konotasi lirik lagu ini ialah keadaan ini menunjukkan lumrah kehidupan di dunia ini biasanya orang yang terlalu kaya, kurang lena. Ini menggambarkan kehidupan manusia yang bergerak pantas sehingga tidak mempunyai masa untuk berehat. Manusia perlulah mendapat tidur dan rehat yang mencukupi berbanding wang ringgit dan kuasa. Mitos bagi lagu ini ialah singa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan raja di hutan tetapi dalam lirik lagu di atas walaupun dia hidup sebagai raja tetapi tidak dapat tidur dengan lena

கத்திரிக்கா மூட்ட போல
கட்டழகு சீப்பா
ஓரம் போட்டு வளத்ததப்பா
பொத்திக்கிட்டுப் போப்பா

(வைரமுத்து, பக். 1136, 2011)

Bagaikan guni terung
Cantiknya gadis gemuk
Dijaga dan dibajai
Diam dan berlalulah awak.

(Vairamuthu, hlm. 1136, 2011)

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
katthirikkai moottai pole	si lelaki tersebut menyindir si gadis itu dengan menyatakan bahawa badannya seperti guni menyimpan terung	panggilan ini selalunya akan membuatkan seseorang gadis itu marah dan membuatkan motivasinya rendah	Guni yang menyimpan terung biasanya bersaiz besar dan berat untuk dipikul. Panggilan guni terung biasanya diibaratkan kepada seseorang yang mempunyai saiz badan yang besar dan gemuk

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *katthirikkai moottai pole* merupakan simile. Perkataan *katthirikkai moottai pole* merujuk kepada seperti guni terung. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah si lelaki tersebut menyindir si gadis itu dengan menyatakan bahawa badannya seperti guni menyimpan terung. Maksud konotasi lirik lagu ini ialah panggilan ini selalunya akan membuatkan seseorang gadis itu marah dan membuatkan motivasinya rendah. Mitos bagi lagu ini pula guni yang menyimpan terung biasanya bersaiz besar dan berat untuk dipikul. Panggilan guni terung biasanya diibaratkan kepada seseorang yang mempunyai saiz badan yang besar dan gemuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malai bererti karangan bunga untuk dijadikan kalung. Unsur simile ini digunakan satu persatu secara rapat dan menjadikannya perbandingan secara keseluruhan merujuk kepada benda atau orang.

வேலைபோல தெய்வம் இல்லை
வேர்வை போல தீர்த்தம் இல்லை
உந்தேகம் உனதானால் -அட அதுபோல நண்பன் இல்லை

(வைரமுத்து, பக். 1165, 2011)

Tiada Tuhan seperti pekerjaanmu
Tiada air suci(theertham) seperti peluh
Orang yang memahami dahagamu adalah teman sejati

(Vairamuthu, hlm. 1165, 2011)

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
velai pole and *vervai pole*	tiadalah Tuhan seperti pekerjaan bermaksud kita mestilah menyayangi pekerjaan dan menganggap segala kerja kita sebagai pekerjaan untuk Tuhan kerana pekerjaan itu yang memberi kita makan dan minum untuk kelangsungan hidup	para belia dinasihati supaya sentiasa mengutamakan pekerjaan mereka dan mereka tidak seharusnya malas untuk bekerja sehingga berpeluh	Seseorang yang berpeluh kerana bekerja keras haruslah berbangga kerana peluhnya merupakan sesuatu yang berharga seperti air suci. '*Seyyum thozhile theivam*' adalah pepatah Tamil. Pepatah ini memberi maksud yang sama seperti dalam lirik lagu di atas

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *velai pole* and *vervai pole* merupakan simile. Perkataan *velai pole* merujuk kepada seperti pekerjaan dan *vervai pole* merujuk kepada titik peluh. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah tiadalah Tuhan seperti pekerjaan bermaksud kita mestilah menyayangi pekerjaan dan menganggap segala kerja kita sebagai pekerjaan untuk Tuhan kerana pekerjaan itu yang memberi kita makan dan minum untuk kelangsungan hidup. Air suci bagi seseorang manusia ialah peluhnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sendiri.. Maksud konotasi lirik lagu ini ialah para belia dinasihati supaya sentiasa mengutamakan pekerjaan mereka dan mereka tidak seharusnya malas untuk bekerja sehingga berpeluh. Mitos ialah Seseorang yang berpeluh kerana bekerja keras haruslah berbangga kerana peluhnya merupakan sesuatu yang berharga seperti air suci. Apabila ada kawan yang memahami kehendak dan keperluan kita tanpa diminta, dia merupakan seorang sahabat yang setia. Seseorang sahabat setia boleh membaca kehendak seseorang sehingga rasa dahaga yang dirasai oleh kawannya juga dapat dirasainya. Penyajak Vairamuthu ingin memberi motivasi kepada para peminatnya. '*Seyyum thozhile theivam*' adalah pepatah Tamil. Pepatah ini memberi maksud yang sama seperti dalam lirik lagu di atas

வாழ்க்கை ஒரு வானம் போல
உறவு அதில் மேகம் போல
நட்பு மட்டும் சூரியன் போல -நண்பன் வாழ்க

(வைரமுத்து, பக். 1182, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hidup ini terbentang luas seperti langit
Awan adalah tali persaudaraan
Matahri adalah lambing persahabatan - Hiduplah kawanku

(Vairamuthu, hlm. 1182, 2011)

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
vaanam pole, megam pole, suriyan pole	hidup di dunia adalah seperti langit kerana semua perkara adalah luas dan banyak.	kita haruslah menjunjung tinggi persahabatan kerana ia akan membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul	Awan di langit tersebut merupakan agen perhubungan. Manakala, matahari di langit adalah diibaratkan sebagai persahabatan. Matahari dijadikan sebagai persahabatan adalah kerana hubungan antara kawan-kawan akan kekal selama-lamanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *vaanam pole, megam pole, suriyan pole* merupakan simile. Perkataan-perkataan tersebut merujuk kepada seperti langit, seperti awan dan seperti matahari.. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah hidup di dunia adalah seperti langit kerana semua perkara adalah luas dan banyak. Maksud konotasi lirik lagu ini yang ingin disampaikan oleh Penyajak Vairamuthu ialah kita haruslah menjunjung tinggi persahabatan kerana ia akan membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul. Mitos bagi lirik lagu di aats ialah awan di langit tersebut merupakan agen perhubungan. Manakala, matahari di langit adalah diibaratkan sebagai persahabatan. Matahari dijadikan sebagai persahabatan adalah kerana hubungan antara kawan-kawan akan kekal selama-lamanya.

Oruvayirpoli bermaksud kewujudan simile pada satu tempat sahaja. Simile ini hanya terdapat di suatu tempat dalam puisi seperti pantun, sajak dan lain-lain.

05-4506 tbupsi

தழுவச் சுற்றமுண்டு - தாய்போல ஊருமுண்டு
கடல் தாண்டி பூமி உண்டு - மதம் கடந்தும் சொந்தமுண்டு

(வைரமுத்து, 2011)

Ada angin yang menyapa lembut – Ada tempat lahir seperti ibu
Ada bumi melangawi lautan – Ada persaudaraan mengatasi batasan agama.

(Vairamuthu, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
thaai pole	dirinya dikelilingi oleh saudara.	dia mempunyai kampung yang boleh melindunginya seperti ibu. Bukan setakat itu, dia juga menyatakan bahawa di seberang laut pun ada bumi yang boleh dijadikan sebagai tempat pergantungan. Dia juga menyatakan bahawa ada persaudaraan di luar batasan agama.	Thaai dikaitkan kepada perhubungdan dalam konteks orang Hindu.

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *thaai pole* merupakan simile. Perkataan *thaai pole* merujuk kepada seperti ibu. Maksud konotasi lirik lagu ini ialah penyajak Vairamuthu menjelaskan bahawa dirinya dikelilingi oleh saudara. Tambahan pula, dia mempunyai kampung yang boleh melindunginya seperti ibu. Bukan setakat itu, dia juga menyatakan bahawa di seberang laut pun ada bumi yang boleh dijadikan sebagai tempat pergantungan. Dia juga menyatakan bahawa ada persaudaraan di luar batasan agama. Thaai dikaitkan kepada perhubungdan dalam konteks orang Hindu. Ini merupakan mitos bagi lagu di atas.

ஏப்ரல் மாத ஏரி போல
ஹார்ட்டு ஏறங்குதே
தங்கம் வெலையைப் போல சும்மா
ஸ்கர்ட்டு ஏறுதே

(வைரமுத்து, பக். 1135, 2011)

Denyutan nadi saya menurun seperti Tasik bulan April
Skrit awak naik seperti kenaikan harga emas

(Vairamuthu, hlm. 1135, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lirik	Denotasi	Konotasi	Mitos
eri pole dan *thanga velaiyai pole*	Tasik dan harga emas	memang tidak boleh dinafikan, iaitu harga emas sentiasa melipat ganda di pasaran.	masyarakat India tidak berputus asa untuk memiliki emas sebagai harta benda walaupun harganya mahal.

Dalam lirik lagu di atas, perkataan *eri pole* dan *thanga velaiyai pole* merupakan simile. Perkataan *eri pole* merujuk kepada seperti tasik. Manakala thanga velaiyai pole bererti harga emas. Maksud denotasi lirik lagu ini ialah memang tidak boleh dinafikan, iaitu harga emas sentiasa melipat ganda di pasaran. Melalui lirik lagu ini, maksud konotasi yang ingin disampaikan oleh penyajak ialah masyarakat India tidak berputus asa untuk memiliki emas sebagai harta benda. Penyajak telah menggunakkan simile ini dengan tepat pada situasinya. Mitosnya pula masyarakat India tidak berputus asa untuk memiliki emas sebagai harta benda walaupun harganya mahal

Setiap lirik yang ditulis oleh Vairamuthu juga adalah mudah untuk difahami kerana beliau menggunakan bahasa yang mudah difahami di samping menggunakan unsur-unsur simile dan simile untuk mendalami konteks penulisan. Beliau juga mengambil inspirasi daripada alam semula jadi dan keadaan persekitaran beliau untuk menulis lirik-lirik yang diperlukan. Pendekatan ini bukan sahaja mempertingkatkan kualiti penulisan beliau tetapi turut membantu para pendengar menyedari realiti mereka dan memberi dorongan untuk mengubah situasi mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa lirik-lirik lagu Vairamuthu tersebar luas di setiap pelosok dunia dan masih memberi kesan positif dalam kehidupan setiap peminat Vairamuthu dan filem Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Meneroka penggunaan unsur simile terhadap isu-isu yang terdapat dalam lirik lagu filem Tamil gubahan Vairamuthu.

4.4.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan bagaimana simili yang digunakan dalam lirik lagu Vairamuthu menggambarkan isu-isu yang dipandang serius dalam kalangan masyarakat Tamil, India. Dalam kajian ini sebanyak dua puluh simili telah dipilih secara random untuk menjelaskan bagaimana pemiihan leksim sebagai simili berjaya mengukuhkan mesej yang ingin disampaikan oleh Vairamuthu. Simili-simili yang dipilih ini merangkumi tema-tema seperti isu penganiayaan kaum wanita, tatacara bagi kaum wanita, krisis kemiskinan masyarakat Tamil, pengaruh filem, penggunaan bahasa asing, sejarah masyarakat Tamil, keunggulan moral dalam kalangan lelaki, semangat patriotisme, kebudayaan masyarakat Tamil, unsur feminisme, percintaan golongan remaja, kepentingan pendidikan kanak-kanak, kesedaran kepentingan ekonomi, masalah keruntuhan moral, keeratan perpaduan, cinta terhadap alam sekitar, keutamaan hubungan kekeluargaan, peningkatan motivasi dalam kalangan masyarakat Tamil, cinta terhadap bahasa Tamil, kepercayaan kepada Tuhan, kepentingan menghargai masa, keburukan alkohol dan keburukan perang.

4.4.2 Isu Penganiayaan Kaum Wanita

Vairamuthu memainkan peranan dalam usaha memberikan kesedaran terhadap hak kesaksamaan wanita. Lirik-lirik nukilan Vairamuthu jelas mengetengahkan hak-hak kewanitaan. Lirik-lirik lagunya turut menyuntik motivasi kepada kaum wanita untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bangkit memerangi penganiayaan terhadap dirinya dan menuntut hak mereka dalam masyarakat. Rangkap di bawah menjelaskan hal ini:

அப்பாவால் திட்டப்பட்டோம், அம்மாவால்
குட்டுப்பட்டோம், எம் கைகள்
கட்டப்பட்டோம், ஆணுக்குக் கட்டுப்பட்டோம்,
இன்னும் இங்கே கண்ணீர் விட்டு
நஷ்டப்பட இஷ்டமில்லை.

(வைரமுத்து, பக். 187, 2011)

Appavaal thittapattom,ammaavaal kuttappattom, em kaigal kattapattom,
aanuku kattupattom, innum ingae kanneer vittu nastappada istamillaiyae

(Vairamuthu, hlm. 187, 2011)

Dalam lirik lagu di atas penggunaan dua leksim sebagai simili iaitu *kanniir* (air mata) dan *nashtam* (kerugian) adalah leksim yang tepat dan menggambarkan situasi sebenar kehidupan golongan wanita yang mengalami penderitaan dan penindasan. *Kannir* adalah simbol kesedihan dan kegagalan seseorang manakala *nashtam* adalah suatu senario yang membawa kehilangan duit atau harta daripada aktiviti perniagaan. Jadi penggunaan dua item leksikal ini sudah cukup untuk menggambarkan kedudukan wanita di dunia masa kini.

Simile dalam lirik ini membawa maksud keluhan seorang wanita yang sebelum ini dimarahi oleh ayahya atas kesilapan, ditegur oleh ibunya atas kesalahan, manakala tangannya digari sehingga tidak mampu membela nasibnya dan kini dirinya diabdikan kepada kaum lelaki. Namun begitu, wanita itu tidak mahu menitiskan air matanya lagi kerana dia sedar kerisauan dan keluhannya hanya akan merugikan kehidupannya. Lirik-lirik ini bukan hanya membincangkan masalah yang dihadapi oleh golongan wanita malah mengajak semua wanita memahami situasinya di samping menyuntik motivasi kepada wanita untuk bangkit dan mengubah nasibnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, lirik-lirik daripada lagu yang sama menjanjikan semangat yang tidak pudar kepada kaum wanita.

கல்யாண பாரமில்லை,
கண்ணீரில் ஈரமில்லை,
மாப்பிள்ளை பேரமில்லை,
நாத்தனார் யாருமில்லை,
பட்டம் பெற்ற பெண்கள்,
இங்கு பள்ளியறை கைதி இல்லை.
(வைரமுத்து, பக். 187, 2011)

Kalyaana paaramillai, kanneeril eeramillai, maapillai peramillai, nathanaar yaarumillai, pattam petra pengal, ingu palliyarai kaiti ilaiye

(Vairamuthu, hlm. 187, 2011)

Dalam lirik lagu di atas penggunaan leksim sebagai simili iaitu *kanneeril eeramillai* (tiada kebasahan dalam air mata) adalah leksim yang tepat dan menggambarkan situasi sebenar kehidupan golongan wanita yang mengalami penderitaan dan penindasan. *Kannir* adalah simbol kesedihan dan kegagalan seseorang manakala tiada kebasahan bermaksud berdukacita dengan berdiam-diam. Jadi penggunaan dua item leksikal ini sudah cukup untuk menggambarkan kedudukan wanita di dunia masa kini.

Tambahan pula, dalam lirik di atas, Vairamuthu menyenaraikan perkara-perkara yang membebankan seseorang wanita. Antaranya wanita tidak perlu lagi menanggung beban perkahwinan; tidak perlu terlibat dalam tawar-menawar bagi mempelai; tidak perlu takut terhadap keluarga suami dan menjadi tawanan kelamin jika mereka berpendidikan tinggi. Hal ini jelas menunjukkan keunikan penulisan Vairamuthu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memahami perkara-perkara yang menjadi keperitan kepada kaum wanita. Hal ini yang kian lama telah menjadi tradisi dalam kehidupan masyarakat Tamil sebenarnya membebankan golongan wanita. Simili dalam lirik Vairamuthu menyuarakan isi hati golongan wanita Tamil secara lantang kepada dunia luar. Di samping itu memberi jalan penyelesaian untuk mengatasi kesusahan golongan wanita ini.

Oleh itu, pengkaji berharap setiap golongan masyarakat haruslah mendengar bukan semata-mata mendengar muzik malah menghayati dan menghalusi lagu-lagu gubahan Vairamuthu supaya bersama-sama memerangi penganiayaan terhadap kaum wanita. Pada masa yang sama pengkaji turut berharap golongan wanita akan sentiasa mempunyai minda yang terbuka dan kekuatan dalaman supaya mampu bangkit semula dan mengorak langkah untuk ke arah masa depan yang lebih cerah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya, penganiayaan terhadap kaum wanita haruslah dihentikan. Wanita haruslah diberi penghormatan yang sewajarnya. Setiap individu haruslah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap kepentingan menjaga kesaksamaan terhadap wanita. Peluang yang saksama membolehkan potensi wanita terserlah malah mampu mengoptimumkan peranan wanita demi masa depan yang mampan. Dengan ini, usaha dalam mencapai kesaksamaan akan membolehkan wanita mengecapi kemajuan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan dan pekerjaan. Namun begitu, tatacara kehidupan tetap akan menjadi pemangkin untuk memastikan golongan hawa ini terus menikmati kesejahteraan dalam hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Tatacara bagi Kaum Wanita

Budaya Tamil mementingkan aspek moral dan keagungan tatacara seseorang wanita. Amalan moral dan tatacara merupakan kayu ukur bagi mengetahui perwatakannya. Oleh sebab itu, wanita Tamil berusaha menjaga tingkah lakunya untuk memelihara nama baik diri sendiri dan keluarganya. Sehingga hari ini, kebanyakan teruna dan keluarganya mencari gadis yang masih dara untuk mendirikan rumah tangga. Hal ini kerana mereka mementingkan kesucian tubuh badan perempuan. Menurutnya, wanita yang dara sehingga perkahwinan dikatakan mempunyai kesucian dan nilai integriti. Di samping itu, hal ini turut mempamerkan didikan ibu bapa yang betul.

Oleh itu, terdapat beberapa tingkah laku diwujudkan bagi kaum wanita supaya dapat membentuk perwatakan seperti yang diinginkan oleh kaum lelaki. Tatacara ini disentuh oleh Vairamuthu dalam lirik lagu *Poraale Ponnuthayi* di bawah:

> *போறாளே பொண்ணுத்தாயி, போகிற*
> *போக்கில் மனசத் தொட்டு, தர*
> *பார்க்கும் கதிரப் போல வெக்கப் பட்டு*
>
> (வைரமுத்து, பக். 470, 2011)

> *poraalae ponnu thaayi, pogira pokkil manasa tottu, thara paarkum*
> *kathira pola vekka pattu*
>
> (Vairamuthu, hlm. 470, 2011)

Dalam lirik lagu di atas penggunaan leksim sebagai simili iaitu *kathira pole (bagai sinar)* adalah leksim yang tepat dan menggambarkan situasi sifat wanita yang menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat Tamil. Lirik lagu ini mempamerkan sifat wanita yang menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat Tamil. Lirik ini menjelaskan bahawa gadis menundukkan kepalanya semasa berdepan dengan golongan lelaki. Hal ini adalah kerana sifat malu yang ada pada diri gadis secara semulajadi apabila berdepan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan seorang teruna. Di sini, perasaan malu wanita tersebut dipersonifikasikan sebagai padi berisi (padi yang sarat dengan beras menjadi berat yang menyebabkannya batangnya tunduk ke bawah). Lirik ini mempamerkan sifat yang perlu dimiliki oleh golongan wanita. Sifat wanita itu sendiri akan menjadi gelung keselamatan bagi dirinya. Menundukkan kepala apabila berdepan dengan lelaki membolehkan wanita mengelakkan mainan mata lelaki yang berhasrat tidak baik. Jadi, penggunaan leksim ini tepat menunjukkan sifat semulajadi wanita masyarakat Tamil.

Sementara itu, kepentingan kesucian seseorang wanita juga dapat dilihat dalam lirik lagu yang sama seperti yang ditunjukkan di bawah.

வெள்ளாமை காட்ட விட்டுத் தர
மாட்டா, பண்பாட கட்டிக்காக்கும்
பட்டிக்காட்டுக் கருத்தம்மா

(வைரமுத்து, பக். 471, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vellaamai kaatha vitthu thara maattaa panpaada katti kaakum patti kaathu karuthamma

(Vairamuthu, hlm. 471, 2011)

Dalam lirik lagu di atas penggunaan leksim sebagai simili iaitu *vellaamai kaatha* (sawah padi) adalah leksim yang tepat dan ini menunjukkan sifat wanita yang menjaga aset tubuh wanita sebagai aset sesebuah keluarga. Penyajak Vairamuthu mengetengahkan nilai moral yang dipegang oleh golongan wanita dalam lirik ini. Vairamuthu telah menggunakan perumpamaan dalam liriknya kerana ia berkait rapat dengan wanita yang dikatakan sebagai aset sesebuah keluarga. Di mana tubuh wanita diumpamakan sebagai sawah. '*Vellamai'* dalam lirik bermaksud hasil di sawah yang telah matang dan belum dituai. Dalam konteks lirik ini ia merujuk kepada tubuh wanita. Karuthamma, seorang wanita kampung yang berbudaya tinggi tidak akan memberikan sawahnya (iaitu tubuhnya) kepada seorang lelaki sebelum perkahwinan walaupun lelaki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut adalah kekasihnya. Jadi, penggunaan leksim tersebut tepat dan sudah cukup menunjukkan sikap wanita dalam kalangan masyarakat Tamil.

Dalam lagu tersebut juga, Vairamuthu menulis serangkap lirik yang menunjukkan luahan hati wanita yang dilamun cinta. Lirik ini mempamerkan tatacara luahan seorang wanita yang beradab tinggi. Hal ini digambarkan seperti di bawah.

> *உன் மேல கிறுக்கு உள்ளுர இருக்கு,*
> *வாய்விட்டுச் சொல்லத்தானே, தோதே*
> *இல்ல தோதேயில்ல, வைகைக்குக் கடலைச்*
> *சேர யோகமில்ல யோகமில்ல*
>
> (வைரமுத்து, பக். 471, 2011)

> *Un mele kirukku, ulloora irukku, vaai vittu chollathaanae, thodhu illa thodhu illa, vaigaikku kadalai chera yogamilla yogamilla*
>
> (Vairamuthu, hlm. 471, 2011)

Lirik ini membawa maksud si gadis mencintai kekasihnya secara mendalam. Dia menyedari abab yang dipegang oleh dirinya menghalang dirinya untuk meluahkan isi hati kepada kekasihnya. Gadis itu turut mengeluh nasib malangnya yang menyebabkan dirinya tidak dapat bersatu dengan kekasihnya. Di sini Vairamuthu memberi personifikasi *vaigai* (iaitu nama sebatang sungai di India Selatan) sebagai gadis dan *kadal* (laut) sebagai kekasihnya. Jadi, di sini penggunaan leksim *vaigai* (iaitu nama sebatang sungai di India Selatan) sebagai gadis dan *kadal* (laut) digunakan dengan tepat. Istilah tersebut memperjelas perempuan disamakan dengan sungai manakala lelaki pula dibaratkan laut dan dalam konteks lagu ini kedua-dua kekasih tersebut tidak dapat bersatu. Lirik-lirik lagu gubahan Vairamuthu ini sangat tepat bagi mengetahui kedudukan wanita dalam konteks sekatan budaya masyarakat Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada masa yang sama lirik lagu ini mempamerkan cara seorang wanita menyampaikan luahan hati kepada kekasihnya. Di mana Vairamuthu menggunakan kata-kata yang mudah difahami dan memberikan makna yang mendalam. Kata-katanya juga mempamerkan kesantunan bahasa yang tinggi dan tidak berbunyi lucah. Namun begitu, golongan remaja kini tidak lagi mementingkan adab dan budi perkerti yang mulia. Remaja yang tidak mempunyai didikan agama dan moral mudah terikut-ikut dengan sikap negatif serta terlibat dalam gejala sosial.

Oleh hal yang demikian pengkaji berharap setiap golongan haruslah mengamalkan moral dalam hidupnya demi masa depan generasi akan datang. Tingkah laku tidak baik yang dipamerkan oleh sesebuah generasi akan menjadi amalan oleh generasi yang akan datang. Keruntuhan akhlak dalam sesebuah masyarakat akan membawa kepada keruntuhan tamadun sesebuah bangsa. Sementara itu, Vairamuthu turut membela nasib golongan lelaki yang tertipu dengan cinta yang palsu. Lirik-lirik di bawah menonjolkan kerisauan golongan teruna yang gagal dalam kisah cinta.

பெண் என்றால் எல்லாம் பொய்கள்தானா
நெஞ்சம் துடிக்குதே துடிக்குதே
கண்கள் கலங்குதே கலங்குதே
இது நியாயமா

(வைரமுத்து, 2011)

Pen Endral Ellam Pogail Thana
Nenjam Thudikuthe Thudikuthe
Kangal Kalanguthe Kalangute
Ithu Niyayama

(Vairamuthu, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, penggunaan leksim *Kangal Kalanguthe* (mata menitis) sebagai simile menjadi leksim tepat yang menggambarkan kekecewaan yang timbul daripada putus cinta. Di sini, penyajak bagaikan menyoal kaum wanita atau kekasihnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang menipu dirinya. Kekecewaan yang dialaminya sehingga menyebabkan penyajak mengumpamakan kaum wanita bagaikan kepalsuan dan penipuan. Kekecewaan ini berlaku kerana diri penyajak tertipu akan wanita yang dikasihinya. Degupan jantungnya juga bertambah lemah apabila mengalami kekecewaan daripada perasaan putus cinta. Kekecewaan penyajak sehingga menyebabkan dirinya menitiskan air mata. Kekecewaan yang melampau serta perasaan pilu akan penipuan menyebabkan penyajak menangis lalu bertanya akan kewajaran tindakan kekasihnya itu. Hal ini kerana, kasih sayang yang terbina adalah berlandaskan kepercayaan yang wujud antara dua insan. Jadi, pengunaan leksim *Kangal Kalanguthe* (mata menitis) sangat tepat dijadikan leksim di lagu atas dan juga tepat menunjukkan perasaan kekecewaan. Kini, tatacara bagi kaum wanita berubah-ubah dari semasa ke semasa kerana berlakunya perubahan dalam aspek sosial. Contohnya, segelintir wanita pergi ke kelab malam dengan tidak mementingkan amalan moral dan melakukan perkara yang tidak baik dalam kehidupan mereka dengan memberikan alasan bahawa ia adalah salah satu proses sosialiasis. Jadi, perkara ini menimbulkan kekecewaan pengkaji kerana lirik-lirik lagu penyajak Vairamuthu yang dapat membentuk sahsiah diri seseorang tidak dapat diaplikasikan oleh masyarakat secara lebih bermakna.

4.4.4 Krisis Kemiskinan Masyarakat Tamil

Kemiskinan adalah salah satu krisis sosial yang sering menyelubungi masyarakat Tamil. Kajian menunjukkan sebanyak $^{2}/_{3}$ masyarakat Tamil hidup dalam kemiskinan. Dalam angka ini, sebanyak 68.8% populasi India menjalankan kehidupan dengan hanya berbekalkan $2 sehari. Lebih dari 30% mempunyai wang kurang daripada $1.25 sehari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan golongan ini tergolong dalam kumpulan miskin tegar (Sarabjit Singh Puri, 2020). Masalah kemiskinan ini menyebabkan India menjadi salah sesebuah negara yang mempunyai rakyat yang termiskin di dunia.

Vairamuthu telah menyentuh isu kemiskinan dalam lagu *Kannai Kasakum Sooriyano Red* yang terdapat beberapa petunjuk yang menggambarkan tahap kemiskinan orang Tamil.

உழைக்கும் மக்கள் உள்ளங்கை ரெட்

(வைரமுத்து, பக். 851, 2011)

uzhaikum makkal ullankai red

(Vairamuthu, hlm. 851, 2011)

Lirik lagu di atas tersebut menggunakan leksim *ullankai red* sebagai simile yang membawa maksud tapak tangan yang berwarna merah. Merah adalah warna tapak tangan golongan pekerja yang melambangkan kesusahan tegar yang dihadapi oleh golongan pekerja. Jadi, tapak tangan yang berwarna merah menjadi simili dalam lagu di atas dan leksim *ullankai red* tepat digunakan untuk menggambarkan situasi golongan pekerja yang berkerja keras. Dalam lagu yang sama, Vairamuthu juga merangkapkan secara tersirat cara mengatasi kemiskinan seperti yang ditunjukkan dalam lirik lagu berikut:

வறுமையின் நிறமோ சிவப்பு அதை
மாற்றும் நிறமே சிவப்பு

(வைரமுத்து, பக். 851, 2011)

varumaiyin nirama sivapu
adhai maatrum niramae sivapu

(Vairamuthu, hlm. 851, 2011)

Melalui lirik di atas, simile *varumaiyin nirama sivapu* (warna kemiskinan merah) menjadi leksim yang tepat menunjukkan kemiskinan. Vairamuthu menegaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa warna merah bukan warna yang menunjukkan kemiskinan tetapi warna yang menentangnya (frasa varumaiyin nirama sivapu) itu sendiri merujuk kepada judul filem Tamil iaitu *Varumaiyin Niram Sivapu* yang memaparkan kemiskinan dan kesusahan hidup yang ditempuhi oleh protagonis). Di sini, secara tersiratnya, Vairamuthu berkemungkinan besar berpendapat bahawa hanya revolusi berasaskan falsafah sosialisme dapat membanteras kemiskinan secara besar-besaran. Jadi, leksim tersebut digunakan dengan tepat dan menunjukkan maksud tersirat secara terperinci.

Vairamuthu turut menyuntik motivasi kepada masyarakat Tamil untuk bangkit menangani masalah kemiskinan melalui pemikiran progresif. Perkara ini dapat dilihat dalam lirik di bawah.

> *பிள்ளைத் தமிழ் இனமே எழு! எழு! எழு!*
> *அறிவை ஆண்டவனாய் தொழு! தொழு! தொழு!*
>
> (வைரமுத்து, பக். 851, 2011)
>
> *pillai thamizh inamae ezhu ezhu ezhu,*
> *arivai aandavanaai thozhu thozhu thozhu*
>
> (Vairamuthu, hlm. 851, 2011)

Berdasarkan lirik di atas, penggunaan leksim *pillai thamizh* adalah sesuai. Menurut penyajak, bangsa Tamil harus bangkit menggunakan kecerdasan minda mereka untuk mengatasi masalah yang mengakibatkan kemiskinan mereka. Beliau juga menyeru masyarakat Tamil memuja minda sebagai Tuhan supaya lebih percaya dengan kebolehannya untuk keluar dari kepompong kemiskinan dan kekal bermotivasi tinggi. Dalam lirik ini, salah satu pengaruh pemikiran radikal Periyar iaitu atheisme dapat dilihat secara tersirat. Hal ini menunjukkan kepintaran Vairamuthu dalam menukil lirik lagu mengenai kemiskinan masyakarat Tamil dan menyelit penyelesaian progresif secara tersirat tanpa menimbulkan sebarang kontroversi politik. Pengkaji sangat risau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan status ekonomi masyarakat Tamil kerana jurang perbezaan ekonomi masyarakat Tamil dengan masyarakat-masyarakat yang lain jauh lebih berbeza. Penyajak Vairamuthu dalam liriknya menyatakan bahawa seseorang haruslah berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai sesuatu kejayaan. Namun demikian, nasihat yang disampaikan oleh beliau melalui lirik lagunya sering diabaikan oleh masyarakat Tamil sehingga berlakunya kemunduran dalam status ekonomi mereka.

Namun demikian, pengkaji amat risau terhadap isu ini kerana walaupun lirik-lirik lagu Tamil telah menyumbang ke arah kesedaran masyarakat. Akan tetapi isu ini masih menyelubungi masyarakat ini sehingga mereka menjadi seperti mati katak (S.Kumaran & Su.Vai.Lingam, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.5 Pengaruh Filem

Pengaruh filem dalam kalangan masyarakat Tamil tidak dapat dielakkan kerana industri perfileman merupakan antara industri yang terutama di India. Pada tahun 2013, India menjadi negara tertinggi dari segi pengeluaran filem tahunan dan industri perfileman Tamil merupakan antara penyumbang terbesar. Kepentingan industri ini dapat diperjelas dengan per kapita AS$9 juta yang terkumpul pada tahun 2015 dan jumlah keseluruhan *box office* yang berjumlah US$2.1 billion, iaitu ketiga terbesar di dunia pada tahun tersebut (Sakshi Kotecha et. al, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepintaran Vairamuthu dalam menghasilkan lirik lagu yang secara tersuratnya berunsur filem tetapi secara tersiratnya mengandungi maklumat mengenai aspek rohani dapat dilihat dalam lagu *Dippu Dippu* seperti berikut:

வாழ்க்கை ஒரு சினிமா சினிமா
மூன்று மணி நேரம் தான்,
மூன்று மணி நேரம் போல
மூன்றே மூன்று பருவம்தான்

(வைரமுத்து, 2011)

vaazhkai oru cinema cinema moondru mani neram than, moodru mani neram pola, mundrae moondru paruvam than

(Vairamuthu, 2011)

Dalam rangkap di atas, penggunaan dua leksim *moondru mani neram* (3 jam) sebagai simile dijadikan leksim tepat yang membawa maksud bahawa kehidupan itu sendiri boleh diibaratkan sebagai filem kerana kebiasaanya tempoh tayangan bagi filem keluaran India adalah selama 3 jam. Di sini Vairamuthu mengaitkan 3 jam tersebut dengan tiga tahap perkembangan seseorang individu seperti berikut:

குழந்தை பருவம் ஒன்று, இளமைப்
பருவம் ரெண்டு, முதுமைப்
பருவம் மூன்று மனிதா,
மூச்சுத் தீர்ந்து போவதற்குள்
மூன்று உலகம் வெல்ல வா

(வைரமுத்து, 2011)

kuzhanthai paruvam ondru,
ilamai paruvam rendu,
muthumai paruvam moondru manitha,
moochu theernthu povatharkul
moondru ulagam vellava

(Vairamuthu, 2011)

Dalam rangkap di atas, Vairamuthu menerangkan tiga tahap tersebut seperti berikut: pertama, tempoh masa pembentukan keindividuan kanak-kanak; kedua, tempoh masa individu mencapai usia remaja atau dewasa dan; ketiga, tempoh masa semasa menjangkau usia tua. Beliau mengaitkan ketiga-tiga ini sebagai tiga tahap keduniaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang harus dilalui oleh manusia sebelum meninggalkan dunia seperti mana yang dapat dilihat dalam lirik di atas. Lirik-lirik ini menunjukkan leksim *moondrae paruvamthaan* sesuai digunakan untuk menunjukkan situasi sebenar dalam masyarakat Tamil iaitu betapa besarnya pengaruh filem dalam masyarakat Tamil sehingga dapat dikaitkan dengan unsur kerohanian. Pengkaji sangat kecewa dengan filem-filem yang mempunyai unsur negatif seperti gangsterisme dan sebagainya seperti filem Kabali.

Hal ini demikian kerana, filem ini dapat mempengaruhi anak muda untuk terjebak dalam gejala negatif seperti gangsterisme. Secara tidak langsung, lirik lagu Vairamuthu tidak menjadi sebagai panduan hidup, malah pengaruh filem negatif menjadi panduan kehidupan mereka. Maka, keadaan sebegini menyebabkan pengkaji risau dan kecewa kerana keadaan ini semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat Tamil (Parlimen Malaysia, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.6 Keunggulan Moral dalam Kalangan Lelaki

Kebolehan Vairamuthu dalam menulis lirik lagu mengikut tema yang diberikan juga terserlah dalam penulisan lirik lagu yang mengandungi unsur pemupukan moral bagi kaum lelaki yang biasanya kurang diketengahkan dalam filem Tamil.

நோய் மடி யோடு நீ வீழ்ந்தால் தாய்
மடியாவேன், சுவாசம் போல அருகில்
இருந்து சுகப்பட வைப்பேன்

(வைரமுத்து, 2011)

noi madiyodu nee veezhntal thaai
madiyaaven, suvasam pola arugil
irunthu sugapada vaipen

(Vairamuthu, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rangkap di atas menggunakan *suvasam pola* (bagai nafas) sebagai simile untuk memaparkan ciri warga lelaki sebagai mampu bersifat lemah lembut dan romantik. Perkara ini sangat unik kerana perwatakan lelaki seperti yang digambarkan oleh Vairamuthu dalam lagu ini adalah berbeza dalam realiti dunia fiksyen filem Tamil. Misalnya, lirik di atas jelas menunjukkan pemikiran kreatif Vairamuthu dalam memberikan perwatakan yang biasanya diberikan bagi golongan wanita kepada golongan lelaki yang kebiasaannya digambarkan sebagai golongan maskulin. Lirik tersebut membawa maksud pengantin lelaki tersebut berjanji untuk menjaga isterinya bagaikan ibu jika dia jatuh sakit dan selalu berada di pangkuan isterinya bagaikan nafas untuk memulihkannya. Jadi, penggunaan leksim tersebut sesuai dalam lagu di atas.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.7 Semangat Patriotisme

Istilah patriotisme berasal daripada bahasa Greek iaitu *patriotes* yang membawa maksud rakan senegara dan wira yang memperjuangkan hak tanah air dan diibaratkan sebagai pembela negara (Nazri Muslin dan Jamsari Alias, 2004). Dalam konteks moden, pengertian patriot diperluaskan dengan seseorang individu digelar sebagai patriot yang mempunyai perasaan cinta akan tanah air dan mampu melakukan apa-apa sahaja demi negara (Nazri Muslin dan Jamsari Alias, 2004). Nilai patriotisme merupakan satu tanggungjawab terhadap negara yang harus dipikul oleh setiap rakyat. Hal ini kerana pengamalan moral nilai ini dapat mengeratkan ikatan sosial dan mewujudkan generasi yang berhemah tinggi di samping menjamin keamanan dan keselamatan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lirik lagu nukilan Vairamuthu jelas mempamerkan semangat patriotisme dan nasionalisme. Dalam hal ini, Lagu *Thai Manne Vanakam* adalah contoh yang paling jelas.

வண்ண வண்ணக் கனவுகள் கருவுக்குள்
வளர்வகை. வங்கு மண்ணில்
பிறந்ததும் மலர்கள் கொடுத்தாய்

(வைரமுத்து, 2011)

vanna vanna kanavugal karuvukul
valarthai, vanthu mannil
piranthathum malargal koduthai

(Vairamuthu, 2011)

Lirik lagu nukilan Vairamuthu di atas menggunakan simile *vanna kanavugal* (impian yang berwarna-warni) dan *malargal* (bunga-bunga) sebagai leksim. Kedua-dua leksim tersebut tepat menjelaskan dan mempamerkan semangat patriotisme dan nasionalisme. Misalnya, lirik seperti di atas membawa maksud negara India memberi harapan kepada setiap warganegara India untuk merealisasikan impiannya. Vairamuthu merangkapkan ini sebagai negara India itu sendiri mengalu-alukan kelahiran bayi yang masih berada dalam rahim ibunya dengan kalungan bunga. Jadi, penggunaan kedua-dua leksim sesuai digunakan dalam rangkap di atas dan mencerminkan niai patriotisme dengan jelas.

4.4.8 Kebudayaan Masyarakat Tamil

Kebudayaan masyarakat Tamil dapat ditonjolkan melalui dua aspek iaitu *akam* (dalaman) dan *puram* (luaran) (Kumaran Suberamanian, 2007). Secara luarannya, unsur kebudayaan dapat dilihat dari segi lagu, tarian, makanan, pakaian dan upacara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat Tamil termasuk adat melahirkan anak, perkahwinan dan memandikan anak dara. Kebudayaan dari segi *puram* pula merujuk kepada aspek luaran yang menentukan falsafah kehidupan seseorang (Kumaran Suberamanian, 2007). Secara umumnya, kebudayaan Tamil mendedahkan setiap tahap perkembangan seseorang individu, sesuatu kelas sosial atau masyarakat. Sehubungan itu, kebanyakan lirik lagu Vairamuthu turut mempamerkan kebudayaan masyarakat Tamil terutamanya etnik Tamil di kawasan pedalaman di mana pemeliharaan tradisi Tamil adalah lebih kuat. Lagu *Aalaala Kanda* di bawah membuktikan penyataan ini:

ஆளாள கண்ட ஆட லுக்கு
தகப்ப வணக்கமுங்க வணக்குமுங்க

(வைரமுத்து, 2011)

aalaala kanda aadalukku
thagappaa vanakkamunga vanakkamunga

(Vairamuthu, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lirik lagu karya Vairamuthu di atas pula menggunakan *aalaala kanda* iaitu pengasas seni *folk dance* sebagai leksim. Leksim ini jelas menonjolkan kebudayaan tarian dan nyanyian tempatan (*folk dance*) masyarakat Tamil. Contohnya, lirik ini menjelaskan kepercayaan golongan tari tempatan, iaitu mereka memberi ucapan *vanakam* kepada *aalaala kanda* iaitu pengasas seni *folk dance* mereka sebelum memulakan tarian mereka. Di sini, lirik Vairamuthu bersifat inklusif dengan mendedahkan kebudayaan tarian tempatan masyarakat Tamil yang kurang diketahui. Jadi, penggunaan leksim *aalaala kanda* sudah cukup menggambarkan kebudayaan tarian dan nyanyian tempatan masyarakat Tamil.

Bukan itu sahaja, Vairamuthu juga menyentuh secara spesifik tradisi kebudayaan meletak inai dalam masyarakat Tamil yang masih diamalkan di kawasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pedalaman terutamanya dalam kalangan anak dara yang bakal berkahwin. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap lagu *Marudhani Vachu Parthen* di bawah:

மருகாணி வச்சுப் பாத்தேன்
செவக்கலையே

(வைரமுத்து, 2011)

Marudhaani Vachu Paathen
Sevakalaiye

(Vairamuthu, 2011)

Nukilan penyajak Vairamuthu yang di atas menggunakan *marudhaani* (inai) sebagai leksim untuk dijadikan sebagai semile. Leksim ini menunjukkan kebudayaan masyarakat Tamil. Inai dikatakan sebagai pemerah yang merendahkan kepanasan badan dan dapat menenangkan pengantin perempuan sebelum berkahwin. Terdapat juga kepercayaan dalam kebudayaan masyarakat Tamil iaitu semakin gelap noda inai, semakin mendalam ikatan kasih sayang antara dua individu. Hal ini juga mungkin memberikan inspirasi kepada Vairamuthu untuk menulis lagu cinta ini dengan menggunakan inai sebagai simile. Di sini, leksim marudhaani sesuai digunakan untuk menunjukkan amalan masyarakat Tamil.

Akan tetapi faktor kebudayaan masyarakat Tamil pada masa ini amat membimbangkan semua pihak. Para remaja dan belia pada masa ini tidak menghormati faktor-faktor kebudayaan masyarakat Tamil. Mereka hanya mementingkan kepentingan diri sendiri. Mereka hanya hidup merana tanpa batasan kebudayaan dari segi pakaian, bahasa, gaya hidup dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.9 Unsur Feminisme

Secara umumnya, feminisme sering dikaitkan dengan pergerakan anti-lelaki dan diterajui oleh sekumpulan wanita yang ingin mencontohi gaya hidup golongan lelaki. Namun begitu, feminisme adalah sebuah pergerakan untuk mengakhiri unsur seksisme seperti dominasi kaum lelaki terhadap wanita, eksploitasi serta penindasan seksis terhadap wanita (Bell Hooks, 2000). Pergerakan feminisme yang teratur meletakkan asas bagi kewujudan persamaan *gender*. Sehubungan itu, dengan pengamalan moral konsep persamaan dan keadilan gender, golongan wanita dan lelaki dapat mewujudkan komuniti yang saling menghormati dan dikasihi dengan menyedari semua lapisan masyarakat diciptakan secara sama (Bell Hooks, 2000). Oleh itu, secara luasnya feminisme dapat dipraktis oleh semua orang yang mempercayai konsep kesamaan dan keadilan *gender* dan sosial.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam sejarah kesusasteraan moden Tamil, feminisme jelas ditonjolkan dalam sajak-sajak Mahakavi Subramaniya Bharati, iaitu seorang revolusioner Tamil. Menerusi penulisannya, Bharati menganggap kebebasan wanita perlu menjadi suatu keperluan bagi mencapai kebebasan nasional daripada belenggu penjajah British (Mythily Sivaraman, 2006). Dalam hal ini, Vairamuthu turut menunjukkan unsur feminisme secara tersirat dalam lirik-lirik beliau yang juga mengambil inspirasi daripada sajak Bharati. Misalnya, lirik lagu *Ini Accham Accham Illai* di bawah jelas membuktikan inspirasi Vairamuthu daripada sajak *Acchamillai Acchamillai* yang pada asalnya dikarang oleh Bharati.

அச்சம் அச்சம் இல்லை, இனி அடிமை
எண்ணம் இல்லை. நம் காலம் இங்கே
கூடிப்போச்சு கண்ணீர் மிச்சமில்லையே

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(வைரமுத்து, 2011)

acham acham illai, ini adimai
ennam illai, nam kaalam ingae
koodipochu kanner michamillaiye

(Vairamuthu, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, leksim yang digunakan untuk simile adalah *kaneer michamillaiye* (tiada tangisan air mata yang tinggal). Leksim adalah pilihan yang tepat untuk menunjukkan unsur feminisme secara tersembunyi iaitu penderitaan kaum wanita. Lirik ini menyatakan bahawa kaum wanita dan masyarakat kelas bawahan tidak perlu menjadi hamba kepada orang lain pada zaman moden ini. Sebaliknya, Vairamuthu secara tersiratnya mengatakan semua wanita boleh hidup seperti yang dihasratkan pada zaman ini. Hal ini jelas menerusi rangkap dari lagu yang sama seperti di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

சொல்லும் நம்மை வாழச் சொல்லியே

(வைரமுத்து, 2011)

vaadi ilaya cheliye, nam kaalam
sollum nammai vaazha soliye

(Vairamuthu, 2011)

Melalui lirik di atas pula, penggunaan leksim *ilaya cheliye* tepat menunjukkan para wanita yang muda. Lirik di bawah pula, dapat diketahui isu kebajikan dan kebebasan warga perempuan mula diberi perhatian.

ரொம்ப பக்கம்

(வைரமுத்து, 2011)

vaanam pakkam ini vazhkai
romba pakkam

(Vairamuthu, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rangkap tersebut menggunakan *vaanam pakkam* (langit dapat ditengokkan) sebagai leksim yang menjelaskan keterujaan seorang wanita yang mencapai kebebasannya dengan menyatakan langit sangat berdekatan dengan dirinya. Dalam konteks ini, langit disimbolkan dengan kebebasan. Jadi, leksim *vaanam paake* sesuai dan tepat digunakan dalam rangkap di atas.

4.4.10 Kepentingan Pendidikan Kanak-kanak

Pendidikan merupakan asas bagi sesebuah komuniti dalam mencapai kejayaan, menjamin kesejahteraan sosial dan kestabilan politik. Ini kerana status ekonomi dan sosial seseorang bergantung kepada taraf pendidikan yang dimilikinya kerana pendidikan menyumbang kepada kemampuan individu dalam menjalani kehidupan berkualiti (Fazilah Idris et.al, 2012). Pendidikan juga dapat membantu seseorang untuk keluar daripada belenggu kemiskinan dan memberi kekuatan untuk mengeluarkan pandangan mereka terhadap isu yang berlaku di sekeliling mereka (Fazilah Idris et.al, 2012). Oleh itu, pendidikan harus dilihat sebagai aset kehidupan yang harus diberikan kepada semua individu sejak muda lagi agar mereka menjadi individu yang berdaya saing dan berakhlak tinggi.

Dalam isu kepentingan pendidikan lebih-lebih lagi kepada golongan kanak-kanak, Vairamuthu mengambil kesempatan dalam mendedahkan para pendengar lagu tentang kepentingan pendidikan bagi golongan pelajar. Ini jelas dalam rangkap lagu *Aana Aavana* di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

இளமையில் கல் என்று சொன்னால் அது
செங்கல் சுமக்கும் வேலையல்ல,
எழுத்தை நாம் கற்றுக் கொண்டால் அட
இனி மேல் ஏழையல்ல

(வைரமுத்து, 2011)

ilamaiyil kal endru sonnaal athu
sengal sumakkum velaialla,
ezhuthai naam katru kondaal ada
ini mel ezhaiyalla

(Vairamuthu, 2011)

Lirik di atas menggunakan leksim *sengal sumakkum* (memikul berat batu binaan) untuk mempamerkan kepentingan pendidikan kepada kanak-kanak. Maksud frasa *ilamaiyil kal* adalah individu perlu belajar ketika usia muda lagi. Dalam lirik seterusnya, Vairamuthu menegaskan bahawa jika mereka celik huruf, mereka tidak perlu hidup dalam kesusahan dan kemiskinan. Sehubungan dengan itu, Vairamuthu turut mengkritik sistem pendidikan India yang begitu membebankan para pelajar. Ini dapat diperhatikan dalam lagu *Aandae Nootrandae* di bawah. Jadi, leksim *sengal sumakkum* iaitu memikul berat batu binaan dijadikan leksim sebagai simili yang tepat dalam konteks ini.

பொதி சுமக்கும் குழந்தைகளின்
புத்தகங்கள் குறைப்பாயா
பரிட்சை இன்றி கல்வியும் வேண்டும்
பாடத்திட்டம் தருவாயா

(வைரமுத்து, 2011)

podhi sumakkum kuzhanthaigalin
puthagangal kuraippaya
pareetchai indri kalviyum vendum
paada thittam tharuvaaya

(Vairamuthu, 2011)

Melalui lirik di atas ini, Vairamuthu telah menggunakan *podhi sumakkum* (memikul berat barang) sebagai leksim yang menunjukkan situasi sebenar para pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang bersusah payah memikul buku yang banyak. Melalui lirik ini Vairamuthu ingin melihat transformasi pendidikan selaras perubahan dunia ke alaf baharu. Secara tersiratnya, beliau tidak ingin melihat pelajar memikul buku yang banyak ke sekolah dan berhasrat melihat sistem pendidikan India dijalankan tanpa peperiksaan. Dalam bahasa yang mudah untuk difahami, Vairamuthu menanam kepentingan pendidikan dalam diri kanak-kanak dan ibu bapa mereka menerusi liriknya. Dalam rangkap di atas, leksim *pothi sumakkum* tepat digunakan digunakan sebagai simile untuk menjelaskan keadaan pelajar di atas berikut.

Pengkaji masih tidak berpuashati terhadap masyarakat Tamil di mana mereka tidak memberi tumpuan ke atas pendidikan kanak-kanak. Segolongan masyarakat ini memberi alasan yang tidak munasabah seperti faktor kemiskinan, masalah kewangan, kebesaran keluarga, kekangan masa dan lain-lain lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.11 Kesedaran Kepentingan Ekonomi

Vairamuthu turut menegaskan kesedaran akan status ekonomi dalam kalangan masyarakat India terutamanya etnik Tamil melalui lirik lagunya. Hal ini kerana kesejahteraan rakyat sesebuah negara bergantung kepada kekuatan ekonomi negara tersebut. Kebanyakan lirik beliau sentiasa menggambarkan kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat Tamil agar mereka dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka. Lirik lagu *Thean Kizhakku Cheemayile* jelas menonjolkan hal ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

தென்கிழக்குச் சீமையிலே
செங்காத்துப் பூமியிலே, ஏழைப்பட்ட
ஜாதிக்கொரு ஈரமிருக்கு, காயப்
பட்ட சொந்தத்துக்கு கண்ணீர் விட்டா
சாயம் போன வாழ்க்கையிலும்
சாரம் இருக்கு, இவுக
பொழப்புக்கு நீர்வார்க்கத்தான்
ஈசானி மூலையில மேகம் இருக்கு

(வைரமுத்து, 2011)

then kizhakku cheemayila
sengaatu bhoomiyilla, aezha patta
saathikoru eeram irukku, kaaya
patta sonthathukku kanner vitta
saayam poana vaazhkaiyilum
saaram irukku, evaga
pozhappukku neervaakathaan,
eesani moolayila maegam irukku

(Vairamuthu, 2011)

Dalam lagu ini, Vairamuthu menggunakan *eeram irukku* (ada kebasahan) sebagai leksim yang meluahkan kehidupan sebuah keluarga miskin yang bergantung pada hasil tani dari sebidang tanah. Walaupun mereka merana dalam kemiskinan, namun aktiviti pertanian atas tanah ini membantu mereka untuk menyara keluarga. Kehidupan mereka diumpamakan seperti "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Walaupun tanah mereka menjadi tandus kerana tiada hujan, mereka berharap bahawa hujan akan turun tidak lama lagi dan segala kesengsaraan hidup mereka akan hilang. Lirik lagu *Putham Puthu Boomi* juga menyentuh hal yang sama.

பஞ்சப் பசி போக்க வேண்டும், இந்த
பாலைவனம் பூக்க வேண்டும்,
சாந்தி சாந்தி என்ற
சங்கீதம், சுகம் ஏந்தி ஏந்தி
வந்து விழ வேண்டும்

(வைரமுத்து, 2011)

panja pasi pokka vendum, intha
paalaivanam pooka vendum,
saanthi saanthi endra
sangeetham, sugam yenthi yenthi
vanthu vizha vendum

(Vairamuthu, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lirik lagu ini membuktikan bahawa simile *paalaivanam pooka* (bunga mula berputik di kawasan gurun) sebagai leksim tepat digunakan untuk menggambarkan kemiskinan negara India. India masih berada dalam belenggu kemiskinan. Vairamuthu meletakkan harapannya untuk mengubah nasib ini. Maksud lirik ini adalah penyajak ingin melihat kemiskinan tegar dihapuskan dan melihat bunga mula berputik di gurun ini. Penyajak menggunakan perkataan gurun untuk menggambarkan situasi ekonomi di India secara tersirat. Sehubungan itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa semua pendengar lagu harus memahami lirik-lirik lagu Vairamuthu secara mendalam untuk menyedari keadaan ekonomi mereka. Hal ini kerana sebahagian besar masyarakat India masih menghadapi masalah kemiskinan dan tidak dapat dinafikan bahawa lagu-lagu Vairamuthu dapat menyuntik sedikit motivasi untuk bangkit mengubah nasib mereka khasnya masyarakat Tamil. Jadi, di sini leksim *paalaivanam pooka* merupakan leksim yang sangat tepat untuk menggambarkan keadaan sebenar.

Para remaja pada masa ini tidak begitu berminat bekerja keras untuk memperoleh sumber mendapatkan pendapatan. Malah mereka hanya mencari jalan senang untuk mengaut keuntungan yang banyak. Akan tetapi, jalan yang mereka pilih ini tidak kekal dan mereka ditimpa musibah. Oleh itu, mereka harus rajin bekerja untuk menambahkan pendapatan mereka semampu yang boleh. Masyarakat Tamil juga harus mengamalkan sikap berjimat cermat agar tahap ekonomi mereka bertambah baik. Pengkaji meminta masyarakat Tamil cuba untuk mengamalkan sikap menabung demi kebaikan masa depan yang cemerlang seperti yang diutarakan oleh Vairamuthu dalam lirik lagunya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.12 Masalah Keruntuhan Moral

Vairamuthu turut menegaskan aspek keruntuhan moral dalam kalangan remaja masyarakat India melalui lirik lagunya. Lagu-lagunya menggambarkan penglibatan golongan remaja dalam gejala negatif. Beliau ingin membawa kesedaran dalam kalangan golongan remaja menerusi penulisannya.

Lirik lagu *Kikku Yerudhey* di bawah mempamerkan situasi keadaan seorang indivdu dalam keadaan mabuk.

...கிக்கு ஏறுதே... வெட்கம்
போனதே, உள்ளுக்குள்ளே ஞானம்
ஊறுதே, உண்மை எல்லாம் சொல்லத்
தோனுதே

(வைரமுத்து, 2011)

,...kikku aeruthey,...vetkkam
ponathey, ullukullae nyanam
ooruthey, unmai ellam solla
thonuthe

(Vairamuthu, 2011)

Lirik di atas menggunakan leksim *ullukullae nyanam* (pemikiran matang secara dalam). Dalam rangkap di atas, penyajak membawa maksud tersirat bahawa seorang pemabuk akan hilang perasaan dan nilai maruah dirinya. Orang seperti itu bertindak seperti dia tahu segala-galanya. Jadi smile ini secara jelasnya menunjukkan bahawa pemikiran seseorang akan bercelaru dan membebel segala perkara tanpa memikirkan situasi dan waktu. Hal ini kerana minuman beralkohol membantut pemikiran seseorang dan menyebabkan mereka hilang kewarasan.

Walaupun Vairamuthu telah menulis pelbagai jenis lirik lagu yang memberi garis panduan disiplin diri namun, masih terdapat juga masalah keruntuhan moral

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kalangan masyarakat Tamil seperti mencuri, merompak, merayau tanpa hala tujuan, terpengaruh dengan minuman alkohol, terpengaruh dengan filem Tamil dan sebagainya yang menimbukan keruntuhan moral.

4.4.13 Keeratan Perpaduan

Perpaduan adalah penggabungan atau perihal berpadu. Dalam pengertian sains politik pula, perpaduan adalah mengenai hubungan sepadu dalam sesebuah komuniti yang berasaskan objektif, kepentingan dan nilai sepunya. Misalnya, negara perlu mempunyai kerjasama politik sebagai strategi untuk membentuk sesebuah kerajaan (Zaireeni Azmi, 2020). Kebiasaannya, perpaduan wujud dalam kalangan anggota komuniti yang mempunyai jalinan sentimen bahasa, agama dan budaya yang sama. Ikatan ini membentuk hubungan kekitaan sesama mereka yang kemudiannya mewujudkan perasaan saling memerlukan antara satu sama lain.

Dalam hubungan sosial pula, keamanan dan keharmonian dapat dijamin dalam komuniti sebangsa dan serumpun (Najjah Salwah dan Wan Norshasniah, 2011). Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan dalam kelompok atau unit kecil memaparkan prinsip perpaduan yang lebih erat berbanding dengan masyarakat yang mengalami proses urbanisasi dan modenisasi yang mengutamakan konsep individualisme. Namun begitu, lirik lagu Vairamuthu dapat menyangkal teori keeratan perpaduan dalam kelompok kecil tersebut dengan mengkontekskan perasaan perpaduan secara lebih luas tanpa mengira kaum, agama dan kasta dalam komuniti India. Lagu *Indiane Va* di bawah membuktikan hal ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

இந்தியனே வா, புது இமயத்தை
உண்டாக்கவா

(வைரமுத்து, 2011)

Indianae vaa, puthu imaiyathai
undaaka va

(Vairamuthu, 2011)

Dalam lagu di atas, leksim *imaiyathai* (gunung) digunakan sebagai simile. Lirik lagu ini jelas menonjolkan perpaduan pelbagai lapisan masyarakat India di Tamilnadu dan memaparkan bahawa protagonis filem ini mempelawa semua masyarakat India untuk bersatu demi membentuk kehidupan harmonis. Dalam hal ini, Vairamuthu menggunakan metafora *imaiyam* yang bermaksud gunung bagi mempersonifikasikan perpaduan sebagai satu bentuk pencapaian tertinggi. Jadi, leksim gunung tepat digunakan pada konteks di atas untuk menggambarkan kekuatan perpaduan dalam kalangan masyarakat Tamil di Tamilnadu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat Tamil harus bersatu hati untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan mereka untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan harian. Sebagai contohnya, mereka hendaklah bersatu untuk menuntut hak kepada kerajaan agar dapat menunaikan permintaan mereka. Pengkaji membimbang masyarakat Tamil akan kehilangan hak mereka sekiranya tidak ada perpaduan dalam kalangan mereka.

4.4.14 Cinta Terhadap Alam Sekitar

Kehidupan manusia berkait rapat dengan alam sekitar dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Misalnya, alam sekitar menyediakan penempatan kekal bagi manusia untuk mewujudkan keluarga dan membantu mereka mendapatkan makanan, air dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

udara untuk meneruskan kelangsungan hidup. Manusia pula harus memelihara dan memulihara alam sekitar daripada pencemaran dan kemerosotan kualiti dalam arus pemodenan ini agar generasi akan datang tidak menghadapi masalah pengurangan sumber alam (Haliza Abdul Rahman, 2010). Dalam pada itu, Vairamuthu turut tidak terlupa untuk menonjolkan keunggulan alam sekitar dalam lirik-lirik lagunya. Hal ini jelas dalam lagu *Moongil Kaadugale* seperti yang ditunjukkan di bawah:

இயற்கைத் தாயின் மடியில் பிறந்து
இப்படி வாழ இதயம் தொலைந்து,
சலித்துப் போனேன் மனிதனை
இருந்து, பிறக்க வேண்டும்
பறவையாய் திரிந்து, பறந்து

(வைரமுத்து, பக். 846, 2011)

iyarkkai thaayin madiyil piranthu
ippadi vazha idhayam tholaindhu,
salithu ponen manithanaai
irundhu, prakka vendum
paravayaai thirinthu, paranthu

(Vairamuthu, hln. 846, 2011)

Melalui lirik di atas, Vairamuthu memaparkan percintaan seorang lelaki terhadap alam sekitar. Dalam lirik lagu tersebut, Vairamuthu menggunakan *paravaiyaai thirinthu* (merayau seperti burung) sebagai leksim. Lirik ini membawa maksud protagonis filem ini yang menyatakan dia ingin dilahirkan semula di pangkuan alam semula jadi dan hidup terpesona dalam keindahannya. Dia juga bosan menjalankan kehidupannya sebagai manusia dan ingin memerdekakan dirinya bagaikan burung yang bebas terbang di langit. Dalam hal ini, lirik seterusnya daripada lagu yang sama pula menunjukkan penghargaan dan ketertinggian percintaan seorang manusia terhadap alam semula jadi. Jadi, penggunaan leksim *paravaaiyai thirinthu* yang digunakan sebagai simile sangat tepat untuk menggambarkan situasi beliau yang ingin merayau dengan bebas seperti burung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

வேரை அறுத்தாலும் மரங்கள்
வெறுப்பை உமிழ்வதில்லை, அறுந்த
நதியின் மேல் மரங்கள் ஆனந்த
பூச்சொரியும்

(வைரமுத்து, 2011)

verai aruthalum marangal veruppai umizhvadhillai, arutha nadiyin mel marangal aanandha poochoriyum

(Vairamuthu, 2011)

Rangkap tersebut mengandungi leksim *verai aruthalum* (walaupun mengkerat akar) untuk menunjukkan saranan Vairamuthu bagi menghargai sumbangan alam semula jadi yang selalunya tidak diendahkan. Lirik ini menjelaskan keunggulan sebatang pokok yang tidak mempunyai perasaan benci terhadap sungai yang menyebabkan akarnya terkerat malah akan menaburkan sejambak bunga di dalamnya dengan gembira. Leksim tersebut tepat menunjukkan keistimewaan sebatang pokok dalam lagu di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vairamuthu mengindahkan lagi konteks penghargaan kepada alam semula jadi dalam lirik berikutnya:

மரமாய் நானும் மாறேனோ, என்
மனித பிறவியை உய்வேனோ

(வைரமுத்து, 2011)

maramaai naanum maareno,
en manidha piraviyil uiyeno

(Vairamuthu, 2011)

Dalam lirik lagu di atas penggunaan leksim sebagai simili iaitu *maramaai* (sebagai pokok) adalah leksim yang tepat dan menggambarkan situasi sebenar seseorang manusia yang telah berasa benci terhadap manusia kerana manusia hilang perasaan. Apabila manusis hilang perasaan maka dia tidak dapat bertindak seprti pokok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana pokok tidak bergerak. Jadi penggunaan item leksikal ini sudah cukup untuk menggambarkan ciri manusia yang tidak ada perasaan. Selain itu, kita juga dapat dilihat apabila protagonis filem ini menyatakan hasratnya untuk berubah menjadi pokok kerana dia berasa meluat menjalani kehidupannya sebagai seorang manusia. Idea di sebalik lirik tersebut menujukkan masyarakat Tamil mempunyai ikatan semula jadi dengan alam sekitar.

இயற்கைத் தாயின் மடியைப் பிரிந்து
எப்படி வாழ இதயம் தொலைந்து
சலித்துப் போனேன் மனிதனாய் இருந்து
பறக்க வேண்டும் பறவையாய்த் திரிந்து
திரிந்து... பறந்து... பறந்து

(வைரமுத்து, 2011)

Iyarkai Tayin Madiyil Piranthu
Eppadi Vazha Idhayam Tholainthu
Salittup Ponen Manithanai Irunthu
Parakka Vendum Paravayai Tirinthu
Tirinthu... Paranthu... Paranthu

(Vairamuthu, 2011)

Merujuk kepada rangkap di atas penggunaan leksim sebagai simili iaitu parakka (untuk terbang) adalah leksim yang tepat dan ia menggambarkan keindahan semula jadi. Vairamuthu menyatakan bahawa keindahan semula jadi yang disaksikannya telah menarik perhatian sehingga ke tahap kepuasan infiniti. Banyak tafsiran dapat diberikan bagi keindahan semula jadi di India yang mempunyai "hadiah hutan" mungkin salah satu yang paling sesuai. Beberapa ekar hutan zamrud sejauh mata memandang dan ini kadang-kadang dihiasi oleh tasik berkilauan dan air terjun yang mengalir yang menawarkan pemandangan yang menakjubkan.

Keindahan semula jadi ini dapat menghilangakan rasa bosan Penyajak akan rutin kehidupan seharian sebagai manusia di muka bumi ini. Penyajak membayangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dirinya sebagai burung. Burung dijadikan simbolik kebebasan yang tiada batasannya. Kebebasan seekor burung untuk terbang di langit terbentang luas tanpa halangan boleh digantikan dengan kehidupan yang didampakan oleh setiap insan.

Kebebasan yang dibayangkannya merangkumi nilai kesederhanaan. Penyajak menyatakan nilai kesederhanaan yang ditonjolkan dalam keperluan asas manusia adalah penting. Nilai kesederhanaan untuk mendapatkan kebebasan dalam kehidupan yang menjadi keperluan asas sebagai manusia. Manusia hidup dalam serba keperluan yang dikejarkan sepanjang hidupnya. Dalam pengejaran material manusia hilang akan kebebasan kehidupannya kerana terikat akan pelbagai tanggungan yang membebani kehidupannya sepanjang hayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.15 Keutamaan Hubungan Kekeluargaan

Secara umumnya, hubungan kekeluargaan dibentuk melalui hubungan keturunan atau perkahwinan. Struktur kekeluargaan dan kualiti hubungan antara ahli keluarga menjadi aspek asas bagi pengeoperasian unit keluarga yang stabil. Kedua-dua aspek tersebut sangat mempengaruhi hubungan dan kesejahteraan anggota keluarga (Tony Fahey, et.al. 2012). Dalam pada itu, masyarakat Tamil menganggap institusi dan hubungan kekeluargaan adalah suci dan mulia (Raghuvir Sinha 1980). Sehubungan itu, Vairamuthu mempamerkan aspek kepentingan institusi kekeluargaan dalam etnik Tamil dalam lirik-lirik nukilan beliau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Vairamuthu juga menulis bahawa hubungan kekeluargaan memberi semua jenis kebahagian kepada seseorang. Misalnya, lirik di bawah membuktikan pernyataan tersebut secara tepat.

சொந்தம் ஓர் ஆனந்தம்,
பந்தம் பேரானந்தம், கண்ணே
உன் விழியால் பிறருக்கு அழுதால்
கண்ணீரும் ஆனந்தமே

(வைரமுத்து, 2011)

sondham orr aanandham,
bandham per aanandham, kannae
un vizhiyaal pirarku azhuthaal
kanneerum aanandham

(Vairamuthu, 2011)

Menurut lirik ini, leksim *pirarku azhuthaal kanneerum aanandham* adalah leksim yang sangat tepat. Leksim ini merujuk kepada hubungan persaudaraan yang memberi kebahagiaan tertinggi yang tidak terhingga serta mempunyai nilai hati yang tidak dapat disoal. Kebiasaannya, titisan air mata diibaratkan sebagai satu bentuk kelemahan. Namun begitu, Vairamuthu menyatakan bahawa air mata yang dititiskan untuk orang lain berubah menjadi air mata bahagia. Vairamuthu dengan jelasnya mempamerkan ketertinggian institusi kekeluargaan dalam tradisi masyarakat Tamil yang harus dijadikan contoh oleh semua lapisan masyarakat. Jadi, leksim yang digunakan dalam rangkap ini sebagai simile sudah cukup jelas untuk menerangkan hubungan persaudaraan dalam kalanagan masyarakat Tamil.

தாய் மடியே உன்னைத் தேடுகிறேன்
தாரகையும் உருகப் பாடுகிறேன்
பத்துத் திங்கள் என்னைச் சுமந்தாயே-ஒரு
பத்தே நிமிடம் தாய் மடி தா தாயே-நீ
கருவில் மூடிவைத்த என்னுடம்பு-நடுத்
தெருவில் கிடக்கிறது பார் தாயே
உதிரம் வெளியேறும் காயங்களில்-உன்
உயிரும் ஒழுகுமுன்னே வா தாயே
தெய்வங்கள் இங்கில்லை
உன்னை அழைக்கிறேன்

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(வைரமுத்து, 2011)

Thai Madiye Unnai Tedugiren
Tharagaiyum Urugip Padugiren
Pattu Thinggal Ennai Sumainthaye- Oru
Patte Nimidam Thai Madi Taa Thaye- Nee
Karuvil Muudi Vaitha En Udambu – Nadut
Teruvil Kidakirathu Paar Thaye
Uthiram Veliyerum Kaayangalil –Un
Uyirum Ozhugum Munne Vaa Thaye
Theivanggal Ingillai Unnai Azhaikindren

(Vairamuthu, 2011)

Dalam lirik lagu di atas penggunaan leksim *Theivanggal* (tuhan-tuhan) merupakan leksim yang sangat tepat. Leksim ini merujuk kepada kasih sayang yang terjalin antara ibu dan anak. Kasih sayang akan sentiasa kekal walaupun ibu telah meninggalkan anaknya. Kesedihan seorang anak yatim yang dahagakan kasih sayang ibunya telah dipotretkan dalam lirik lagu ini. Penyajak bagai merayu agar ibunya kembali untuk memberi pangkuan kepada dirinya yang ditinggalkan berseorangan. Penyajak yang menderita akan perpisahan dirinya daripada ibu yang mengandungkannya selama sepuluh bulan dalam rahimnya. Penyajak memohon agar ibunya balik ke pangkuannya untuk melindungi dirinya yang tersisih daripada masyarakat. Penyajak merayu agar ibunya mengakhiri penderitaan dirinya sebagai yatim piatu. Secara keseluruhannya, leksim theivanggal tepat digunakan untuk menggambarkan kasih sayang seorang ibu.

Pada masa yang sama, penyajak juga memohon ibunya kembali agar dapat mengubati setiap luka lara dalam kehidupannya yang terseksa. Keseksaan yang dialami secara fizikal dan mental ini memerlukan kasih sayang ibunya agar boleh mengharungi dunia yang berkepentingan. Penyajak juga membayangkan ibunya bagai Tuhan yang akan melindunginya untuk meneruskan kehidupan di muka bumi. Bayangan kasih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sayang seorang ibu bagai kasih sayang daripada Tuhan yang maha esa menunjukkan kemuliaan yang ingin diutarakan terhadap kasih sayang ibu akan anaknya yang tidak berbelah bagi.

Oleh yang demikian, pengkaji menyeru masyarakat Tamil untuk memberi keutamaan kepada hubungan kekeluargaan demi kemajuan instutisi kekeluargaan. Masyarakat Tamil haruslah menghayati makna lirik lagu untuk digunapakai dalam kehidupan harian yang lebih baik.

4.4.16 Peningkatan Motivasi dalam Kalangan Masyarakat

Menurut kajian Murphy dan Alexander, motivasi membawa pengertian seperti berikut: sesuatu proses yang terlibat dalam arah semangat dan kegigihan tingkah laku (Murphy and Alexander, 2000). Martin berpendapat pengeoperasian motivasi dalam kalangan masyarakat dapat dilihat menerusi dua kaedah. Kaedah pertamanya adalah dengan memfokuskan minat dan tujuan seseorang. Kedua, memfokuskan kepada kepercayaan dan nilai yang diamalkan (John Knudson-Martin, 2011). Dapat dilihat bahawa peningkatan motivasi atau semangat seseorang dipengaruhi oleh aspek-aspek dalaman seperti pemikiran dan juga aspek luaran seperti nilai kebudayaan. Dalam hal ini, versatiliti Vairamuthu dapat dilihat menerusi penulisannya yang merangkumi pelbagai tema. Lirik lagu *Vetri Kodi Kattu* di bawah misalnya sarat dengan tema motivasi dengan nilai emosi yang membangkitkan semangat kepada para pendengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

வாழ்க்கையில் ஆயிரம்
தடைக்கல்லப்பா, தடைக்கல்லும்
உனக்கொரு படைக்கல்லப்பா

(வைரமுத்து, 2011)

vaazhkaiyil aayiram
thadaikkallappa, thadaikkallum
unakkoru padikallappa

(Vairamuthu, 2011)

Lirik ini mempunyai leksim *thadaikkallappa* sebagai simili. Leksim ini sesuai digunakan dalam konteks ini. Leksim ini membawa maksud bahawa seseorang harus melihat sekatan dan halangan yang dihadapi dalam kehidupannya sebagai tangga untuk mencapai kejayaan. Secara keseluruhannya, leksim *thadakkallappa* menjadi simili kepada halangan dan leksim ini menjelaskan maksud tersiratnya dengan lebih terperinci. Rangkap seterusnya daripada lagu yang sama pula memperlihatkan Vairamuthu menekankan usaha gigih sebagai teras kejayaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

வெற்றிக்கொடி கட்டு, மலைகளை
முட்டும்வரை முட்டு, இலட்சியம்
எட்டும்வரை எட்டு

(வைரமுத்து, 2011)

vetri kodi kattu, malaigalai
mutthumvarai muttu, latchiyam
ettum varai ettu

(Vairamuthu, 2011)

Melalui lirik ini, kita didapati bahawa leksim *malaigalai mutthumvarai muttu* digunakan dalam lagu ini. Leksim ini sesuai dijadikan leksim yang berunsur simili. *Vairamuthu menyuntik semangat kepada para pendengar dengan menyatakan bahawa seseorang itu harus gigih berusaha sehingga mengangkat bendera kemenangannya. Hal ini juga jelas membuktikan bahawa masyarakat lebih cenderung terhadap aspek luaran seperti kepercayaan dan nilai yang diamalkan.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

வானம் பக்கம்தான்நம் வாழ்க்கை பக்கம் தான்
தோளில் சக்தி உள்ளவனுக்கு சொர்க்கம் பக்கம் தான்
வாழ்வே யுத்தம் தான் அதில் வலிமை தர்மம் தான்
நீதி இறுதியில் வெல்லும் என்பது சான்றோர் சட்டம்தான்

ஆழக் கடலை அஞ்சாத மனிதன் மண்ணையே ஜெயிக்கிறான்
போலிப்புகழில் வீழாத மனிதன் தன்னையே ஜெயிக்கிறான்
வண்ண வண்ணச் சிறகுகள் வானத்தையே ஜெயிக்குமே
சின்னச் சின்னத் துடுப்புகள் கடலையே ஜெயிக்குமே
ஓ ஓ ஜலசா ஓ ஓ ஜலசா

(வைரமுத்து, 2011)

Vaanam Pakkam Than – Nam Valkai Pakkam Than
Tholil Shakti Ullavanukku Sorgam Pakkam Than
Valve Yuttam Than Athil Valimai Tharmam Than
Neethi Iruthitil Vellum Enbathu Sanror Sattam Than

Aazhak Kadalai Anjatha Manithan Mannaiye Jeyikindran
Poli Pugazhlil Vizhatha Manithan Thannaiye Jeyikkinran
Chinna Chinna Thuduppugal Kadhalaiye Jeyikkume
Oo Ailasa Oo Ailasa

(Vairamuthu, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Lirik lagu gubahan di atas menggunakan *Aazhak Kadalai* (laut) sebagai leksim. Penggunaan leksim tersebut tepat menggambarkan kepentingan nilai berusaha dan keadilan dalam perjalanan kehidupan manusia. Nilai berusaha amat penting dalam kehidupan setiap manusia untuk meneruskan kehidupan. Nilai kepercayaan terhadap masa hadapan perlu berlandaskan usaha yang tidak ternilai harganya.

Secara terperinci penyajak menyatakan usaha yang berterusan akan menjadikan angkasa amat berdekatan dengan kita kerana usaha dapat melonjakkan taraf kehidupan. Syurga juga dapat digapai dengan mudahnya kepada semua manusia yang bersedia untuk mengerah keringat. Kehidupan yang amat adil akan dirasai oleh setiap manusia. Keadilan yang dimaksudkan di sini adalah apabila seseorang berusaha pasti mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manfaatnya dengan peningkatan taraf hidup berbanding dengan seseorang yang tidak berusaha langsung.

Selain itu, penyajak mengetengahkan nilai keberanian manusia untuk menceburi dan menggunakan peluang yang diterima. Nilai keberanian untuk menggunakan peluang dan mencapai kejayaan. Kejayaan yang diperoleh semestinya akan membawa kepada kepujian terhadap individu tersebut.

காலையில் கதிரவன்
கடல்விட்டு வருவதும்
மாலையில் கதிரவன்
மலைதொட்டுப் பிரிவதும்
இயற்கையடி இயற்கையடி இயற்கையடி
கோடையில் மேகம்
கடல்விட்டுப் பிரிவதும்
வாடையில் மீண்டும்
கடல்தொட்டு இணைவதும்
இயற்கையடி இயற்கையடி இயற்கையடி

(வைரமுத்து, 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kalaiyil Kathiravan
Kadal Vitttu Varuvathum
Malaiyil Kathiravan
Malai Thottu Pirivathum
Iyarkaiyadi Iyarkaiyadi Iyarkaiyadi
Kodaiyil Megham
Kadal Vittu Pirivathum
Vaadaaiyil Meendum
Kadal Thottu Inaivathum
Iyarkaiyadi Iyarkaiyadi Iyarkaiyadi

(Vairamuthu, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, penggunaan leksim sebagai simili iaitu *Kalaiyil Kathiravan Kadal Vitttu Varuvathum Malaiyil Kathiravan Malai Thottu Pirivathum* tepat menggambarkan lumrah kehidupan manusia untuk mengalami pertemuan serta perpisahan. Pertemuan dan perpisahan yang dimaksudkan dalam lirik lagu pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikaitkan dengan perumpamaan alam semula jadi. Penyajak memulakan perbandingannya dengan fenomena terbit dan tenggelamnya matahari. Terbitnya matahari di timur bagaikan berpisah dengan laut dan terbenamya matahari di celah gunung pada waktu senja bagaikan kembali ke pangkuan dan tempat asalnya. Jadi, penggunaan leksim matahari terbit dan terbenam sebagai simile sangat padan dengan konteks lagu ini dalam hal menggambarkan situasi sebenar.

4.4.17 Kepercayaan kepada Tuhan

இறைவா இறைவா
தாயும் நீயே தந்தையும் நீயே
உயிரும் நீயே உண்மையும் நீயே
தூணிலும் இருப்பாய் துரும்பிலும் இருப்பாய்கொடுமை அழித்து விட
கொள்கை ஜெயித்துவிட
சக்தி கொடு சக்தி கொடு

*(*வைரமுத்து, 2011*)*

Iraiva Iraiva
Thaayum Neeyee Thanthaiyum Neeyee
Uyirum Neeyee Unmaiyyum Neeyee
Tuunilum Iruppai Thurumbilum Iruppai
Kodumai Azhittu Vida Kolgai Jeyittu Vida
Shakti Kodu Shakti Kodu

(Vairamuthu, 2011)

Dalam lirik lagu di atas, penggunaan leksim sebagai simili iaitu *Tuunilum Iruppai Thurumbilum* adalah leskim yang sesuai kerana ia menggambarkan kewibawaan Tuhan yang maha berkausa. Tambahan pula, kepercayaan kepada Tuhan merupakan salah satu prinsip kehidupan kita. Kepercayaan ini yang menjadi dasar kehidupan setiap manusia. Ketetapan onak liku kehidupan menjadi lebih mudah dan bermakna dengan adanya kepercayaan kepada Yang Maha Esa. Penyajak memanggil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuhan sebagai ibu bapa yang membawa maksud tersirat iaitu Tuhan merupakan pencipta manusia. Penekanan diberikan oleh Penyajak dengan lebih mendalam apabila menyatakan Tuhan sebagai nyawa dalam sanubarinya. Penyajak memberikan gambaran bahawa nyawa yang kita miliki ini hanya pinjaman daripada Tuhan untuk terus hidup di muka bumi ini.

Penyajak juga ada menyatakan bahawa Tuhan berada di serata tempat walau di mana sahaja kita berada. Jadi, penggunaan leksim tersebut padan dengan konteks lagu ini. Penyajak juga menyatakan bahawa kewujudan kuasa Tuhan yang mampu mengubah segala yang berlaku di muka bumi ini. Penyajak berdoa kepada Tuhan agar memberikan kuasa yang mampu menghapus segala penderitaan manusia dan membantu penyajak untuk berjaya dalam dasar kejayaan yang diaturnya. Kuasa yang dipohon untuk melindungi manusia yang tersisih dan menderita dalam kehidupan. Kepercayaan Tuhan yang mendalam sahaja yang memberikan satu keyakinan kepada setiap insan meneruskan kehidupan di jalan yang benar.

